www.usim.edu.my

# Risalah USIM

THE NEWS BULLETIN OF UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Issue no.27, (Oktober-Disember 2015) :: ISSN : 1511-9319



USIM Pelopori "Little Free Library"



USIM Iktiraf 47 Kakitangan

# 7 TERAS PACU KECEMERLANGAN USIM

7 TERAS KECEMERLANGAN

USIM KE ARAH PUSAT RUJUKAN GLOBAL INTEGRASI ILMU NAQLI & AQLI

1. Pembelajaran & Pengajian Berteraskan Ilmu Naqli & Aqli
2. Penyelidikan & Inovasi yang Relevan kepada Industri & Kesejahteraan Ummah
3. Graduan yang Holistik, Berciri Keusahawanan & Seimbang Melalui Integrasi Ilmu Naqli & Aqli
4. Governan & Pembangunan Modal Insan yang Boleh Menarik & Mengekalkan Bakat Terbaik Bersifat Global, Multi Bahasa & Seimbang
5. Kemudahan Fizikal & Prasarana yang Kondusif bagi Pembelajaran & Pendidikan
6. Kemampanan Kewangan
7. Penjenamaan & Pemposisian yang Konsisten dan Efektif

9 771511 931008



# SEJARAH PENUBUHAN dan PERKEMBANGAN USIM

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

## SEJARAH PENUBUHAN

- **14 Jun 1996** - Pengumuman awal cadangan penubuhan sebuah universiti Islam oleh Menteri Pendidikan ketika itu Yang Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak di Pasir Puteh, Kelantan.
- **11 Jun 1997** - Kabinet meluluskan penubuhan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).
- **14 Jun 1997** - Pengumuman rasmi penubuhan telah dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak di Besut, Terengganu.
- **24 Februari 1998** - KUIM diwartakan penubuhannya.

  Pada awalnya KUIM dijangka beroperasi pada Mei 1998 tetapi disebabkan kemelesatan ekonomi pada tahun berkenaan, operasi KUIM terpaksa ditangguhkan.
- Idea penubuhan KUIM dilaksanakan oleh Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Prof. Madya Dr. Abdullah Mohamed Zin, pensyarah UKM dengan khidmat nasihat Exco Terengganu, Datuk Dr. Mohd Yusof Noor dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdul Hamid Othman. Pelaksanaan operasi ini turut dibantu oleh Tuan Haji Addenan Abd Rahman sebagai Pendaftar dan Puan Hajah Rohani Abu sebagai Bendahari.

## 2000

### TINGKAT 5, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM UKM, BANGI

- **Januari 2000** - KUIM memulakan operasi awalnya di tingkat 5, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.
- **Staf Awal:**

1. Profesor Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin (S001)
2. Profesor Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin (S002)
3. Tn. Addenan Hj Abd. Rahman (S003)
4. Pn. Hjh Rohani Abu (S004)
5. Pn. Wan Fariza Alyati Wan Zakaria (S005)
6. En. Mohamad Fairuz Ismail (S006)
7. Pn. Azreen Fillzah Ahmad Azizan (S007)
8. Pn. Fairuz Zeehan Jalaluddin (S008)
9. Pn. Hermawatimazuen Bahari (S009)
10. En. Mohd Asri Husain (S010)
11. Pn. Monaliza Laudang (S011)

## 2000-2001

### INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL, KAMPUNG PANDAN

- **1 April 2000** - Y. Bhg. Tan Sri Dr. Mohamed Yusof Noor dilantik sebagai pengerusi Lembaga Pengarah KUIM yang pertama.
- **Mei 2000** - KUIM telah berpindah sepenuhnya dari FPI, UKM ke Institut Profesional Baitulmal (IPB) di Jalan Perkasa, Kampung Pandan, Kuala Lumpur.
- **18 Jun 2000** - Pendaftaran pelajar sulung KUIM seramai 255 orang.
- **15 & 16 September 2000** - Seminar peringkat antarabangsa pertama yang dianjurkan iaitu Seminar Kebatinan Serantau yang bertemakan "Ke Arah Pembasmian Kebatilan dalam Ajaran Kebatinan".
- **Pengurusan Awal**

**Rektor** - Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin
**Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan)** - Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Abdullah Md Zin
**Pendaftar** - Tuan Haji Addenan Hj. Abdul Rahman
**Bendahari** - Puan Hajjah Rohani Abu
**Ketua Pustakawan** - Encik Jasmin Jaimon

- **Fakulti Terawal**

Fakulti Da'wah dan Pengurusan Islam (FDPI)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)
Fakulti Syariah dan Kehakiman (FSK)

- **Dekan Terawal**

FDPI - Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah
FPQS – Tn. Hj. Mohd Alwi Yusoff (Pemangku)
FSK - Tuan Sheikh Salim Sheikh Salleh (Pemangku)

- **19 September 2001** - Penubuhan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM). Profesor Dr. Muhamad Muda di lantik sebagai dekan pertama.

## 2002-2004

### MENARA A, PERSIARAN MPAJ PANDAN INDAH

- **21 Januari 2002** - Keseluruhan pentadbiran KUIM telah berpindah ke Menara A, Persiaran MPAJ, Pandan Indah
- **4 April 2002** - Penyerahan watikah Pelantikan Canselor KUIM Pertama kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Negeri Sembilan, Tuanku Najihah binti Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin.
- **9 Julai 2002** - Penubuhan Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Pada semester pertama Sesi 2002/2003, PPS menerima kemasukan 5 orang pelajar bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah.
- **29 & 30 Julai 2002** - Penganjuran persidangan antarabangsa mengenai "Pengajian Islam di Institusi-Institusi Tinggi Dunia"
- **22 Ogos 2002** - Upacara pecah tanah kampus tetap KUIM disempurnakan oleh Y.A.Bhg. Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.
- **26 Mei 2003** - Perasmian penubuhan Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) oleh Y.Bhg. Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid Hj. Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- **24 Julai 2003** - Pertukaran nama fakulti sedia ada : Fakulti Dakwah & Pengurusan Islam (FDPI) kepada Fakulti Kepimpinan & Pengurusan (FKP) dan Fakulti Syariah & Kehakiman (FSK) kepada Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU).
- **9 Ogos 2003** - Majlis Konvokesyen Pertama dan Perisytiharan Pemasyhuran Perlantikan Tuanku Canselor yang Pertama KUIM.
- **1 Disember 2003** - Penubuhan Fakulti Sains & Teknologi (FST). Profesor Dr. Jalani Sukaimi di lantik sebagai dekan pertama.
- **1 Jun 2004** - Penubuhan Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan (FPSK). Prof. Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail di lantik sebagai dekan pertama.
- **17 Jun 2004** - Pendaftaran pelajar perintis ke program Tamhidi melibatkan seramai 29 orang pelajar.
- **26 November 2004** - KUIM mendapat pensijilan MS ISO 9001-2000 di bawah skop "Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Peringkat Sarjana Muda Termasuk Rekabentuk dan Pembangunan Kurikulum Program".

## 2005-SEKARANG

### BANDAR BARU NILAI NEGERI SEMBILAN

- **Julai 2005** - Perpindahan staf dan pelajar secara berperingkat dari kampus sementara di Pandan Indah ke kampus tetap di Bandar Baru Nilai. Perpindahan dimulai dengan pelajar tahun tiga yang memulakan sesi akademik 2005-2006 di kampus Nilai.

  FPSK dan FPg masih menduduki Menara B, Persiaran MPAJ. Ini adalah kerana Hospital Ampang digunakan sebagai hospital pengajar.
- **Mei 2005** - Penubuhan Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU). Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin dilantik sebagai pemangku dekan.
- **Jun 2006** - Penubuhan Fakulti Pergigian (FPg). Prof. Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir Wan Othman dilantik sebagai dekan pertama.
- **22 Mac 2007** - Bangunan Canselori (kompleks pentadbiran USIM) mula beroperasi yang menempatkan beberapa jabatan utama iaitu Jabatan Canselori, Jabatan Pendaftar dan Jabatan Bendahari.
- **28 Jun 2007** - Perisytiharan pertukaran nama Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) oleh Tuanku Canselor pertama yang telah berkuat kuasa pada 1 Februari 2007.
- **25 November 2008** - Perasmian Kampus USIM oleh Y.A.B Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia.
- **1 November 2009** - En. Muhammad Haizuan Rozali dilantik sebagai Pendaftar USIM yang kedua.
- **1 Disember 2009** - Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda dilantik sebagai Naib Canselor Kedua USIM.
- **12 Mac 2010** - Perlancaran Akademi Permata Insan oleh Y.A. Bhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Isteri Perdana Menteri merangkap Penaung PERMATA Negara.
- **9 Ogos 2010** - Y.A.Bhg.Tun Dr. Mahathir Mohamad, Mantan Perdana Menteri menyampaikan Syarahan Perdana Sempena 10 Tahun USIM bertajuk "Institusi Pengajian Tinggi Berteraskan Ilmu Islam : Antara Realiti dan Cabaran Masa Depan"
- **1 Oktober 2011** - Penubuhan Pusat Akses Pembelajaran Terbuka Global (GOALS Center).
- **3 Disember 2011** - Pemasyhuran Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud sebagai Canselor kedua pada Majlis Konvokesyen Ke-9 USIM.
- **1 April 2012** - Y.Bhg Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti yang kedua.
- **1 Disember 2012** - Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Asma Ismail dilantik sebagai Naib Canselor Ketiga USIM.
- **30 November 2013** - Pemasyhuran Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin ibni Tuanku Muhriz sebagai Pro Canselor pertama pada Majlis Konvokesyen Ke-10 USIM.
- **18 Ogos 2014** - Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad dilantik sebagai Naib Canselor Keempat USIM.

# PUSAT RUJUKAN SERANTAU

Salam sejahtera dan salam Integrasi ilmu Naqli dan Aqli

Tahun 2015 telah melabuhkan tirainya dan USIM akan menjengah ke tahun yang cukup penting dalam pelan strategik halatuju universiti iaitu USIM16. Persoalan yang perlu senantiasa bermain difikiran warga USIM hari ini adalah sejauh manakah pencapaian kita dalam menjadi pusat rujukan serantau dalam integrasi ilmu Naqli dan Aqli?

15 tahun penubuhan USIM menyaksikan pelbagai pencapaian signifikan yang telah diraih dalam menyediakan universiti ke arah USIM16. Pembangunan kurikulum berteraskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli dalam program perubatan, Quran dan Sunnah, IT, Ekonomi dan Muamalat adalah contoh terbaik yang memperlihatkan USIM sebagai peneraju dalam gabungan ilmu tersebut.

Kejayaan USIM dalam pembangunan pelajar dalam melahirkan graduan berketrampilan dan holistik tidak kurang hebatnya. Program ***Global Islamic Student Outreach*** **(GISO)** yang merupakan program *flagship* universiti telah menjelajah ke lebih 20 buah negara dengan hampir 120 pengembaraan ke seluruh dunia. Lebih penting, program ini menjadi lambang kepada usaha USIM untuk menjadi nombor satu di hati dan minda masyarakat serantau melalui aktiviti libatsama masyarakat yang memfokuskan kepada pemindahan dan perkongsian ilmu dan manfaat di antara pelajar dan komuniti setempat. Kegemilangan penyelidik muda USIM dalam pertandingan penyelidikan antarabangsa sejak beberapa tahun kebelakangan ini juga sebagai bukti USIM berada di landasan yang tepat.

7 teras pelan strategik USIM seperti yang dinyatakan di muka hadapan edisi Risalah kali ini bakal membawa USIM menuju kecemerlangan secara berterusan. Teras ini merupakan pendekatan pelan tindakan komprehensif dan efektif untuk menjadikan USIM pusat rujukan Naqli dan Aqli di peringkat serantau menjelang tahun 2016 (USIM'16) dan diperingkat Global menjelang tahun 2025 (USIM'25).

USIM'16 dan USIM'25 bukan sekadar *milestones* yang perlu dicapai, lebih utama ia merupakan tanggungjawab setiap warganya dalam mentransformasi dan menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat.



**DR. FAIZAL KASMANI**
*KETUA EDITOR*

**SIDANG EDITORIAL**

**Penaung**
YBhg. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad
Naib Canselor

**Ketua Editor**
Dr. Mohd Faizal Kasmani
Pengarah
Pusat Komunikasi Strategik
(StraComm)

**Sidang Editor**
En. Mohd Asri Husain
Prof. Madya Dr. Rosni Samah
Pn. Norhana Abdullah
En. Mohd Zaini Othman
Pn. Syazlyna Jamil
Pn. Noorumaina Mohamed Yunus
Pn. Suriati Alias

**Konsep & Rekabentuk**
En. Mohd Saiful Abdul Samad
Cik Wahida Hj Abas
En. Mohd Mua'limin Ab. Jalil
Cik Aizatul Shima Abd. Rahman

**Fotografi**
En. Kamarull Syamzari Kamaruddin
En. Mohd Yusrizal Mohd Yunus
En. Ahmad Adib Jumhuri

# Ulangtahun Ke-15 : USIM Iktiraf 47 Kakitangan











**Oleh: Syazlyna Jamil**

Majlis Penutup Sambutan Ulangtahun Ke-15 USIM pada 18 Disember bertempat di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Quran dan Sunnah menutup tirai dengan memberi penganugerahan kepada 47 orang kakitangan USIM dalam tempoh 15 tahun berkhidmat di USIM.

"USIM kini semakin teguh dengan bilangan kakitangan seramai 1,521 orang serta 11,800 orang pelajar dengan pecahan pelajar iaitu 9,754 Sarjana Muda, 1,158 Siswazah, 888 pelajar Pusat Tamhidi serta 50 orang pelajar dari Sekolah Permata Insan. Tidak dilupakan Alumni USIM kini seramai 12,267 yang telah berkhidmat di pelbagai agensi mahupun seorang usahawan," ucap Tan Sri Abdul Shukor yang menerima Anugerah Perkhidmatan Setia USIM 2015.

"Tanpa disedari USIM telah berusia 15 tahun dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kakitangan-kakitangan awal yang bersama-sama saya membangunkan USIM sehingga menjadi sebuah kampus yang indah dan permai seperti yang kita nikmati kini," tambahnya.

Antara penerima anugerah iaitu Encik Mohd Asri Husain, Penolong Pendaftar Kanan StraComm yang memegang kad staf 10 berkongsi kegembiraan beliau berkhidmat sebagai Penolong Pendaftar di Unit Hal Ehwal Pelajar pada awal penubuhan USIM yang dahulunya dikenali sebagai KUIM.

Pelbagai kenangan manis dan cabaran yang beliau kongsikan antaranya berpeluang membantu dalam penubuhan universiti Islam pertama pada abad ke 20 ketika itu, selain membantu dalam perkembangan program baharu di Fakulti Sains dan Teknologi, terlibat dalam penubuhan koperasi kakitangan, badan kebajikan dan juga pengurusan pelajar luar kampus. Harapan beliau agar graduan USIM pada hari ini akan menjadi model graduan seimbang yang utuh dengan membawa integrasi ilmu Naqli dan Aqli dengan menyumbang kejayaan dan sumbangan kepada pembangunan negara pada masa akan datang.

Di majlis yang sama, Pendaftar USIM, En Muhammad Haizuan Rozali turut menerima penghargaan selain pegawai dan kakitangan USIM yang lain. Majlis penutupan tersebut telah disempurnakan oleh Pengerusi LPU, YBhg Tan Sri Abdul Shukor. Turut hadir adalah Naib Canselor, YBhg Prof. Dato' Dr Musa Ahmad serta pegawai-pegawai kanan universiti.

Sambutan 15 tahun diadakan bertujuan mengimbau kembali sejarah penubuhan USIM sebelum ini yang dikenali dengan nama Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang mula beroperasi pada tahun 2000 dengan pengambilan sulung seramai 255 pelajar pada 18 Jun 2000.

# 3 KUMPULAN PENYELIDIK MUDA USIM BAWA PULANG EMAS DAN GANGSA DI BIS




Kumpulan Hurma bersama Datin Sapora Sipon dan Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Profesor Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris

**Oleh: Syazlyna Jamil**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sekali lagi melakar nama dalam pertandingan inovasi antarabangsa, British Invention Show (BIS) yang berlangsung pada 21-24 Oktober 2015 bertempat di Barbican Exhibition Centre, London.

Tiga pasukan penyelidik muda mengulangi kejayaan USIM pada tahun 2013 dan 2014 yang mana kali ini yang lebih membanggakan apabila kesemua penyertaan kumpulan pelajar USIM membawa pulang 2 emas dan 1 gangsa.

Ini adalah kali ketiga USIM merangkul emas dan mendapat *Special Award :Double Gold For International Invention of the Year (Consumer)* bagi projek *Advanced Hospital Gown* oleh Kumpulan Hurma. Turut mendapat emas dan *Special Award:Double Gould For Intenational Innovation fo the Year (Leisure)* adalah projek *Enjoyable Indigenous Sustainable Learning Module* oleh kumpulan Duta Jauhar manakala projek *Novel Marine Biowaste Active Ultrafiltration (Mba-Uf) Membrane For Dyes Waste Water Treatment)* mendapat pingat gangsa oleh kumpulan IMTL_X.

“Tahniah diucapkan kerana ketiga-tiga kumpulan yang USIM hantar setiap tahun ada peningkatan pencapaiannya. Menarik dan uniknya bagi penyertaan kali ini adalah kumpulan-kumpulan ini dari bidang yang berbeza iaitu kimia bagi projek Mba-Uf manakala perubatan bagi projek *Advanced Hospital Gown.* Idea yang digarap oleh pelajar dan penyelia mencipta satu produk inovasi untuk Ummah serta bercirikan integrasi ilmu Naqli dan Aqli,” ucap Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dato’ Dr Mustafa Mohd Hanefah ketika dihubungi.

Kumpulan Hurma cetusan idea Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan bersama lapan orang pelajar memperkenalkan satu pakaian perubatan kepada pesakit di hospital yang patuh syariah serta mematuhi kehendak sebagai seorang Muslim. Ia turut boleh dijadikan telekung yang berfungsi memudahkan Muslim menjalankan kewajipan.

Kumpulan Duta Jauhar pula memperkenalkan kaedah pembelajaran berkonsepkan “Fun Learning” kepada anak-anak orang asli yang membawa pendekatan pembelajaran berkonsepkan aktiviti di luar berbanding dalam kelas. Kaedah pembelajaran ini dikenalpasti berkesan dan memberi impak sangat ketara setelah setahun pemerhatian dijalankan ke atas anak-anak orang asli di Labis, Johor.

British Invention Show (BIS) anjuran British Inventors Society dan disokong *oleh Intellectual Property Office, Boots Centre for Innovation dan Procter & Gamble* berperanan mengenengahkan pelbagai jenis ciptaan yang mampu menjana peluang-peluang perniagaan melalui pelbagai jenis inovasi dan ciptaan pempamer.

# USIM GARIS TUJUH TERAS PACU KECEMERLANGAN BERTERUSAN UNIVERSITI

**Oleh: Mohd Zaini Othman**

Meletakkan sasaran strategik pada tahun hadapan, 2016 bagi menjadi universiti rujukan serantau dalam bidang integrasi ilmu Naqli dan Aqli, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menggariskan tujuh teras strategik sebagai sandaran untuk dilaksanakan secara agresif selepas ini.

Teras ini dihasilkan semasa pemukiman Pengurusan Universiti bersama ahli-ahli strategik universiti sempena Bengkel Pelan Strategik dan Integrasi Ilmu Naqli-Aqli (Akhir Tahun) 2015 bertempat di Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor pada 6 Disember 2015.

Pemukiman yang diurusetiakan oleh Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti ini telah bermula pada 3 Disember disertai seramai 60 orang peserta terdiri daripada ahli akademik dan kumpulan pengurusan dan profesional universiti.

Bengkel yang diketuai sendiri oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad memuktamadkan tujuh teras yang mencakupi pelbagai bidang seperti akademik, inovasi, kemahasiswaan, sumber manusia dan kewangan yang akan menjadi fokus utama Universiti bermula tahun hadapan. Teras yang dikenalpasti ini selari dengan sepuluh lonjakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan Tinggi.

Teras yang digariskan adalah Teras Pertama : Pembelajaran dan pengajaran berteraskan ilmu Naqli dan Aqli; Teras Dua : Penyelidikan dan inovasi yang relevan kepada industri dan kesejahteraan ummah; dan Teras Tiga : Graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.

Teras seterusnya adalah Teras Empat : Governan dan pembangunan modal insan yang boleh menarik dan mengekalkan bakat terbaik bersifat global, multi bahasa dan seimbang; Teras Lima : Kemudahan fizikal dan prasarana yang kondusif bagi pembelajaran dan penyelidikan; dan Teras Enam : Penjanaan kekayaan.

Pusat Komunikasi Strategik USIM pula diberi tanggungjawab melaksanakan Teras Tujuh iaitu Penjenamaan dan pemposisian yang konsisten dan efektif. Melalui pemukiman strategik ini, setiap teras ini turut mengenalpasti pelan tindakan (strategi), aktiviti pelaksanaan dan sasaran yang perlu dicapai pada akhir 2016 nanti.

Pelaksanaan teras ini kelak melibatkan fakulti-fakulti, jabatan dan pusat kecemerlangan di USIM. Pada masa yang sama, teras yang dihasilkan ini juga secara tidak langsung menjadi sandaran tujahan USIM untuk menjadi rujukan diperingkat global pada 2025 dalam pengintegrasian Naqli-Aqli ini. Universiti pada masa kini berada pada landasan yang tepat untuk mencapai sasaran yang ditetapkan walaupun bakal mendepani cabaran kewangan pada tahun hadapan.

Pada hari terakhir pemukiman strategik ini, peserta turut berpeluang mendengar kupasan menarik mengenai integrasi ilmu Naqli dan Aqli dalam pendidikan semasa dan hadapan yang disampaikan oleh Tan Sri Prof. Dato' Dr. Mohd Kamal Hassan, Profesor Ulung Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.



# Hariza Mohd Yusof

## Ketua Jabatan, Bahagian Penerbitan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)



**Oleh: Mohd Asri Husain**

### Latar Belakang Penubuhan Bahagian Penerbitan

Penubuhan Bahagian Penerbitan di Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) atau kini dikenali sebagai Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bermula pada 10 Februari 2003 dengan pelantikan saya sebagai Pegawai Penerbitan. Pada ketika itu ia merupakan sebuah unit sahaja dan diletakkan di bawah Jabatan Canselori. Memandangkan saya merupakan pegawai penerbitan yang pertama, saya dipinjamkan oleh Prof. Dato' Muhamad Muda dengan pegawai di bawahnya yang pada ketika itu berada dalam skim sangkutan. Antara yang banyak membantu saya ketika itu ialah Pn. Khairunnajwa kemudian seorang pembantu tadbir diserapkan yang juga merupakan staf baharu di KUIM iaitu Pn. Norhaizan.

Fokus utama pada peringkat awal penubuhan Unit Penerbitan adalah bagi menyediakan penerbitan karya ilmiah yang merupakan teras bagi penerbitan sesebuah universiti itu. Penerbitan pertama yang berjaya dihasilkan oleh pihak kami ialah An-Nubuwwah Bayna Al-Mutakallimin Wa Al-Falasifah, karya Tan Sri Shukor. Sebelum itu universiti telah mempunyai dua buah hasil penerbitan yang terdahulu iaitu: Abd. Qadir Al-Jilani karya Datuk Sri Abdullah Muhammad Zin dan buku prosiding "Kebatilan Dalam Ajaran Kebatinan".

Sejak itu, Penerbit USIM giat mencari pelbagai manuskrip untuk diterbitkan dan bagi menjayakan hasrat ini pelbagai bengkel penerbitan diadakan secara berkala. Bagi memulakan langkah awal menyertai dunia penerbitan, kami mula menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada tahun 2004 dengan hanya berbekalkan lima tajuk buku sahaja. Kini, Penerbit USIM boleh berbangga kerana telah mempunyai jenama yang tersendiri dan mampu meneroka ke pasaran antarabangsa seperti di Jerman, Jepun, Jordan, Indonesia dan Brunei.

### Cabaran Awal

Antara pengalaman yang tidak dapat saya lupakan pada awal penubuhan ialah saya berkongsi meja dan komputer dengan pembantu tadbir saya dalam memulakan segala urusan unit ini. Pada tahun 2004, pihak kami menerima seorang kakitangan baharu dan sehingga kini, Bahagian Penerbitan mempunyai kekuatan sumber manusia seramai 13 orang dalam pelbagai gred jawatan. Kami juga telah mengalami beberapa transformasi sehinggalah menjadi PTJ sendiri pada tahun 2010.

### Pencapaian dan Kecemerlangan

Bahagian Penerbitan boleh menarik nafas lega kerana hasrat USIM untuk menjayakan USIM 2016 dan juga USIM 2025 telah berjaya dicapai dalam tempoh lebih awal lagi. Ini kerana, Bahagian Penerbitan telah berjaya menerbitkan beberapa buah buku dengan kerjasama rakan di Brunei, Indonesia, Jepun dan juga di Jerman. Penerbit USIM bukan sahaja berjaya mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) universiti malah turut juga meraih perhatian media antarabangsa untuk mengutip ROI lagi bagi nama USIM dan ini sangat penting bagi penjenamaan USIM di mana berita mengenai Majlis Pelancaran Buku Penerbit USIM di Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt turut disiarkan dalam media di Jerman. Antara Anugerah yang telah diperolehi oleh Penerbit USIM ialah:

1. Anugerah Buku Negara 2015 – Buku Umum Terbaik (Kategori Undang-Undang Islam)
2. Anugerah Buku Terbaik MAPIM 2103, (Kemanusiaan & Sains Sosial)
3. Anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Undang-Undang) di Anugerah Buku Negara 2014
4. Pingat PERAK Kategori Buku Pertandingan Inovasi dan Rekacipta Kaunseling (tajuk buku: Pengenalan Kepada Profesion Kaunseling (2010)
5. Pingat EMAS Kategori Buku Pertandingan Inovasi dan Rekacipta Kaunseling (tajuk:Teori Kaunseling dan Psikoterapi- Edisi Kedua)
6. Anugerah Industri Buku- Suntingan Terbaik: Anugerah Peringkat Kebangsaan-(tajuk buku: Diyat dalam Perundangan Islam) oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN)

## Keberadaan di Pasaran Antarabangsa

Bahagian Penerbitan menjadi ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) mulai tahun 2003. Sejak itu, Bahagian Penerbitan mulai mengintai peluang bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi juga antarabangsa. seperti Pesta Buku Frankfurt, Jerman dan sebagainya telah menjadi platform membina rangkaian strategik di peringkat antarabangsa. Kerjasama yang telah dilaksanakan ialah dengan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Tokoshoku University dan *Japanese- Malaysia Association* (JMA), Jepun, KUPU SB, dan sebagainya. Antara projek yang telah dilaksanakan ialah penerbitan Buku "Jom Belajar Bahasa Melayu' yang turut diedarkan di Jepun. Selain itu juga, pangkalan data untuk jurnal-jurnal di Jordan iaitu 'Al Manhal' telah melanggan Jurnal Ulum Islamiyyah dan Jurnal Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) iaitu *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research.*

Bahagian Penerbitan menyedari akan keperluan untuk mencipta citra yang unik bagi berjaya dalam industri buku ini dengan menjadikan Penerbit USIM sebagai Pakar Rujuk dan ini terbukti apabila Penerbit USIM turut mendapat permintaan bagi menjalani program sangkutan di Bahagian Penerbitan.

## Strategi di Masa Hadapan

Saya melihat perkembangan *e-book* secara positif kerana kemajuan teknologi khususnya teknologi maklumat pada hari ini banyak membantu semua pihak. Maka dengan sebab itulah, Bahagian Penerbitan turut menyediakan strategi untuk memastikan tidak ketinggalan dalam perkara ini dengan bekerjasama dengan e-Sentral sebagai platform bagi menjual buku atas talian sejak tahun 2012 lagi dan sebanyak hampir 50 buah tajuk buku terlibat telah dijadikan *e-book* melalui projek tersebut. Penulis buku-buku ini juga telah mendapat bayaran dan royalti hasil daripada karya mereka itu. Bagi strategi jangka panjang, Penerbit USIM sekarang ini sedang membangunkan sendiri platform bagi menjual buku secara atas talian dan dijangka akan dapat dilaksanakan pada tahun 2016 ini. Platform ini akan membantu memudahkan lagi Bahagian Penerbitan mengawal segala bentuk strategi dan konsep pemasaran atas talian ini sepenuhnya. Dijangka sebanyak 20 buah tajuk buku akan dapat diterbitkan melalui konsep atas talian pada tahun ini.



## Harapan

Saya amat berharap agar Bahagian Penerbitan atau sebagai jenama Penerbit USIM atau USIM Press akan terus menjadi sebuah Penerbit Buku yang berjaya dan mempunyai reputasi yang disegani oleh semua pihak sama ada di peringkat tempatan mahu pun antarabangsa. Bahagian Penerbitan berhasrat untuk menjadi antara pemain utama industri buku ilmiah dan kategori lain agar dapat mengangkat martabat keilmuan ke peringkat yang lebih tinggi untuk manfaat semua lapisan masyarakat. Maka dengan sebab itulah, Bahagian Penerbitan telah menyediakan Pelan Perancangan Strategik jangka panjang yang mampu memacu kecemerlangan pada masa akan datang.






# PREVENT 2015: PERKASAKAN PENCEGAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH DAN RAWATAN PEMULIHANNYA

**Oleh: Mohd Zaini Othman**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus memainkan peranan penting sebagai sebuah IPTA yang menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat berkenaan pencegahan dan pemulihan penyalahgunaan dadah melalui penganjuran Seminar Antarabangsa Pencegahan Dan Rawatan Pemulihan Dadah 2015 (PREVENT 2015) selama dua hari bermula 23 November 2015 bertempat di Akademi Koreksional Langkawi.

Dianjurkan oleh pusat kecemerlangan iaitu Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) telah dirasmikan YB Dato' Dr. Leong Yong Kong, Exco Kerajaan Negeri Kedah.

"Seminar ini melibatkan seramai 200 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan pusat-pusat pemulihan dadah di seluruh Malaysia, agensi kerajaan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Polis, Jabatan Penjara, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Agama, Jabatan Pengajian Tinggi dan lain-lain agensi yang berkaitan. Melalui seminar ini, ia menyediakan ruang dan peluang kepada tenaga pakar dan profesional dari dalam dan luar negara untuk berkongsi idea dan maklumat mengenai isu-isu berkaitan pencegahan dan perkhidmatan pemulihan dadah," menurut ACREDA dalam satu kenyataan.

"Seminar ini turut menyediakan peluang kepada ahli akademik dan penyelidik dari pelbagai latar belakang dalam meneroka paradigma baru bagi meningkatkan modul pencegahan dan rawatan pemulihan dadah. Bertemakan "Kesedaran dan Tanggungjawab Terhadap Keberkesanan Pencegahan dan Pengurusan Jagaan Lanjutan," seminar dianjurkan dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Penjara Malaysia dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP)".

Turut hadir dalam majlis perasmian adalah Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad; Ketua Pengarah Jabatan Penjara, Dato' Sri Hj. Zulkifli Omar dan Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Dato' Suhaimi Abdullah.

# i-Inova PENCETUS IDEA INOVASI ISLAM



YAM Tunku Besar Seri Menanti Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz, Pro Canselor USIM sedang meneliti produk inovasi ciptaan pelajar di i-Inova

**Oleh : Syazlyna Jamil**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) raih 3 emas bagi kategori terbuka, 7 emas bagi kategori prasiswazah termasuk anugerah Khawarizmi Ibnu Sina dalam Ekspo Inovasi Islam (i-Inova) yang berlangsung pada 24 dan 25 Oktober 2015 bertempat di Dewan Tuanku Canselor USIM dengan tema iaitu "Integration of Naqli and Aqli Knowledge Led Innovation".

Sebanyak 79 produk inovasi yang dipertandingkan kali ini. Ia dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Prasiswazah iaitu terbuka kepada semua pelajar Universiti Awam dan Swasta manakala Kategori Terbuka adalah kepada staf akademik dan penyelidik pelbagai institusi penyelidikan dan industri dalam dan luar negara. Antara yang turut serta i-Inova kali ini adalah UNISEL, UnisZa, MSU, UTP, Jabatan Mufti Melaka, Agensi Nuklear Malaysia dan Egypt.

Menurut Naib Canselor USIM Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, i-Inova 15 kali ini bukan sahaja memenuhi matlamat USIM untuk mengembalikan tradisi keilmuan Islam melalui gabungan ilmu Naqli dan Aqli sepertimana yang terdapat di dalam visi dan misi USIM, malahan dapat mencungkil, mengetengahkan serta merangsang idea yang inovatif dan kreatif dalam pembangunan produk Islam di kalangan para pensyarah, penyelidik dan para pelajar IPTA/IPTS seterusnya merealisasikan hasrat kerajaan dalam membudayakan inovasi dan kreativiti.

"Pembudayaan ini betepatan dengan lonjakan tujuh (7) di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 iaitu ekosistem inovasi di mana ianya membolehkan institusi pendidikan dan penyelidikan, syarikat dan komuniti membentuk perkongsian sumber bagi memupuk, membangun dan memasarkan idea baharu yang boleh menjana pertumbuhan dalam bidang keutamaan negara.

Perasmian disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz, Pro Canselor USIM.

# INSART 2015 PERHALUSI HUBUNGAN SENI DALAM PEMBANGUNAN MANUSIA



**Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus**

Pusat Kebudayaaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) julung kalinya menganjurkan Seminar Antarabangsa Seni dalam Pembangunan Manusia di Era Moden (INSART) yang berlangsung pada 7 hingga 8 Oktober 2015 di Dewan Kuliah Pusat 3.

Seminar yang disertai oleh seramai 200 peserta dari pelbagai bidang antaranya dari UM,UKM,UITM, Sekolah Angkat dan Kluster USIM serta agensi bukan kerajaan ini turut mendapat kerjasama dari Kementerian Pendidikan Tinggi dan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM).

Seminar ini mengupas peranan seni dalam pembangunan manusia menerusi aspek akal, budaya dan agama bersesuaian dengan tema yang dibawa iaitu *'Reconstruct different point of views in assessing art and its relationship to human development'*. Ucaptama disampaikan oleh Ahmed Keeler, Felo Pusat Islam, Universiti Cambridge dan seramai 7 orang pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara.

Dato' Prof. Dr. Asma Ismail, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dalam ucapannya berkata, penganjuran program INSART merupakan medium terbaik untuk peserta memahami makna keilmuan dan mendapat manfaat melalui perspektif baru dalam melihat seni sebagai sumber ilmu. Tambahan pula, matlamat seminar ini dianjurkan adalah untuk berdialog bersama peserta dan beberapa panel yang arif tentang hiburan untuk mencapai resolusi berkenaan seni dalam pembangunan manusia sejagat.

Di akhir majlis, satu resolusi diserahkan sebagai simbolik penutupan INSART dan persembahan dari pelajar USIM Street Dakwah. Turut hadir Prof. Dato' Dr Hassan Basri Awang, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Encik Ismail Ahmed, Pengarah Pusat Kebudayaan.

**"Penganjuran INSART merupakan satu langkah yang menyusuri kecemerlangan menyemai aspirasi Kementerian dan negara. Jika diteliti Falsafah Pendidikan Kebangsaan ia bertujuan memperkembangkan lagi potensi individu secara holistik dan padu untuk mewujudkan model insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelektual, kerohanian, emosi dan jasmani,"**

ujar **Dato' Asma** semasa merasmikan perasmian penutup INSART 2015.

# ICMH 2015 BINCANG ISU KESIHATAN WANITA DAN LELAKI

**Oleh : Noorumaina Mohamed Yunus**




Bertemakan *Women's & Men's Health: "Towards a Better Future*", Fakulti Perubatan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Sains Islam Malaysia buat kali kedua menganjurkan Persidangan Antarabangsa Perubatan dan Kesihatan (ICMH) di Hotel Istana Kuala Lumpur pada 17 dan 18 Oktober 2015.

Seminar ini diperkenalkan sejak tahun 2006 lagi sebagai salah satu inisiatif fakulti dalam memperkenalkan FPSK khusus kepada masyarakat, terutamanya mereka yang terlibat dalam bidang perubatan.

Menurut Prof. Madya Dr. Ahmad Najib Azmi, objektif penganjuran adalah untuk menjadikan persidangan ini sebagai medan perkongsian ilmu perubatan diantara pengamal perubatan, jururawat, ahli farmasi, pengamal sains perubatan dan kesihatan, selain untuk menggalakkan amalan yang baik dalam pencegahan jangkitan di kalangan profesional penjagaan kesihatan.

"Penganjuran pada kali ini telah menarik seramai 157 peserta dalam dan luar negara antaranya dari Australia, Mauritius, South Korea dan IPT seperti UniKL, USM, UPSI, UM, UKM, UCSI dan CUCMS, dengan pembentang oral seramai 36 orang dan pembentang poster seramai 39 orang," tambah Prof. Najib selaku pengerusi seminar.

Seminar ini turut menampilkan beberapa penceramah hebat yang membincangkan topik yang menarik antaranya *menopausal problems in breast cancer patients, the dangers of prostate cancer, family planning after a complicated pregnancy* dan *osteoporosis: prevention is better than cure.*

Seminar yang berlangsung selama dua hari ini dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademi dan Antarabangsa), Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani. Turut hadir sama Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Nasri Nik Ismail, Pengarah Pejabat Penyelidikan Pembangunan Kompleks Kesihatan USIM dan Dekan FPSK, Prof. Madya Dr. Muhammad Shamsir Mohd Aris.




# ANNUAL INTERNATIONAL YOUTH EVENT: ASIAN YOUTH FORUM



**By : Nur Sakeenah bt Shahrome**

Asian Youth Forum is an annual international youth event which brings together college-aged young people from across Asia for academic seminars, intercultural workshops, social events and interpersonal exchanges. Last February, one of USIM's students, Fairus Abdul Manaf, 3rd year Food Biotechnology student, went to AYF13 and was the only Malaysian representative.

The aims of the AYF are to promote international understanding, Asian awareness, intercultural communication and leadership skills through the medium of English-as-a-global-language. Each international AYF events brings together 60-80 students from 10-15 different Asian countries for one week event in an AYF host country.

AYF was divided into two sections, Academic Program and Social Program. Some for the Academic Programs were discussion with guest speaker: UNESCO Director and an ASEAN diplomat where they discussed about the National Youth Policy and other crucial issues such as gender equality and human trafficking. Besides that, there was also country presentation, as the sole representative, Fairus was given 20 minutes to present and 10 minutes for Q&A sessions. One of the main events during AYF was, Student Presentations at the 2015 Pan-Asian Language Education Conference where teachers from all over the world were invited to the sessions and to hear out the opinions on certain issues and topics such as The Use of Technology in Language Teaching, Teacher Training, and Youth Empowerment.

For Social Program, there were Campus Tour to Thammasat University, Bangkok City Tour and Asian Cultural Performance. Each country required to present a cultural performance. As the only representative for Malaysia, Fairus did story telling about Puteri Santubong and Puteri Sejinjang while doing a bit of role-playing with random picked audience. Luckily the audience loved it. On the last day, some speeches were given from each AYF participants and certificates giving ceremony. During this party they watched a video made by one of the advisors, a collection of all pictures during AYF.



Outcomes from this program, stigmatization and stereotyping can be crossed out with the help of understanding of other cultures by discussing them with people from those nations. Fairus stated that, "Being a Muslim, it is not hard to practice your religion in foreign countries. As long as you know your boundaries, know the concept and explain politely to others, people will actually help you in making it possible to practice your religion. At first I saw being the only representative was a disadvantage, but after facing the whole week it has made me a better person not only physically but also mentally. I need to make fast decisions and quick response for each activity as I'm the only representative from Malaysia".

**Oleh: Syazlyna Jamil**

# USIM RAIH 1 EMAS 2 PERAK DAN 10 GANGSA DI PECIPTA 2015

**INFO**

USIM menghantar sebanyak 16 penyertaan

**1 EMAS, 2 PERAK DAN 10 GANGSA**

(kategori terbuka)

## PRODUK USIM

**Emas**

*Muamalat Interactive Game* (MIG)

**Perak**

Model Institusi Pendidikan Melalui Pembiayaan Dana Zakat

*UTF-8 Character Encoding Formulation For Unicode Hexadecimal Representation Of Arabic Words In Digital Quran*

**Gangsa**

*Informer On Site*

*i-Majrurat*

*MyEma (Entrepreneur Monitoring Apps) : Entrepreneur Module Training System And Certification Program*

*Novel Chitosan-Bio-Waste Active Ultrafiltration (Chito-Bauf) Membranes For Bio-Industry*

*EZCERT 2.0*

*Intelligent University Timetabling System With Hybrid Water Drop Algorithm*

*State-Of-The Art Fiber Spinning Technology (FIST)*

*Profreading System (PS) To Enhance Student's Writing Skill*

*EZ-PAY*

*Faraidsys : A Faraid Training System And Certification Program*




Dato' Musa Ahmad bersama penyelidik *Muamalat Interactive Game* (MIG) di PECIPTA 2015

Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2015 (PECIPTA 2015) pada 6 Disember di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) menyaksikan Universiti Sultan Idris Shah (UPSI) sebagai tuan rumah. Dengan tema "Innovation Today for Tomorrow", PECIPTA 2015 yang telah dirasmikan majlis penutup oleh Menteri Pendidikan, YB Dato' Seri Idris Jusoh menghimpunkan sebanyak 9 buah kluster dipertandingkan kepada peserta Universiti Awam (UA) dan Swasta di Malaysia dan luar negara.

Ekspo ini menyediakan platform terbaik untuk mengetengahkan pakar-pakar penyelidikan UA yang berpotensi besar untuk membangunkan industri penyelidikan yang lebih cemerlang. Dalam usaha menyokong matlamat kerajaan Malaysia untuk menerajui pembangunan negara dari aspek penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi, USIM kali ini menghantar sebanyak 16 penyertaan produk inovasi untuk memberi saingan kepada peserta UA lain.

USIM berjaya membawa pulang 1 emas, 2 perak dan 10 gangsa yang kesemuanya dari kategori terbuka. 1 Emas adalah produk *Muamalat Interactive Game* (MIG) yang diketuai oleh Pn Syahidawati Shahwan bersama Prof Madya Dr Zurina Shafii, Supiah Sallleh, Haliza Md Arif, Dr Norhazlina Ibrahim, Kasumalinda Alwi dan Safeza Mohd Sapian.

"MIG (Muamalat Interactive Game) direka sebagai alteranatif proses pendidikan perbankan dan kewangan Islam. Keunikan permainan ini adalah pemain akan merasai dan melalui sendiri proses 'aqad bagi produk-produk perbankan Islam yang ada dalam permainan ini. Kontrak-kontrak yang ada dalam permainan ini termasuklah kontrak tijari seperti tawarruq,murabahah, musharakah mutanaqisah, rahnu dan kontrak Ijtimai' seperti waqf, sadaqah dan zakat," jelas Pn Syahidawati selaku ketua kumpulan.

Permainan yang berkonsepkan "board game' ini merupakan yang pertama seumpamanya di dunia. Prospek pemainan ini terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah, universiti, pekerja dan pelanggan industri perbankan dan kewangan Islam.

Penerima perak diketuai oleh Dr Azman Ab. Rahman bagi produk Model Institusi Pendidikan Melalui Pembiayaan Dana Zakat manakala Prof. Dr. Norita Hj. Norwawi bagi produk *UTF-8 Character Encoding Formulation For Unicode Hexadecimal Representation Of Arabic Words In Digital Quran*.



# Institut Sains Islam (ISI)
## Bantu Mantapkan Penyelidikan USIM




**Oleh: Institut Sains Islam (ISI)**
**Universiti Sains Islam Malaysia**

Institut Sains Islam (ISI) yang merupakan salah satu Pusat Kecemerlangan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) aktif menjalankan penyelidikan berteraskan penyelidikan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. Selain itu, ISI turut berfungsi untuk menyelia dan memberikan perundingan berkaitan penyelidikan. Terdapat beberapa geran penyelidikan di bawah institut ini yang melonjakkan nama penyelidikan di USIM.

### *Trans Disciplinary Research Grant Scheme* (TRGS)

Terbaru, ISI telah berjaya memperolehi *Trans Disciplinary Research Grant Scheme* (TRGS) dari Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak RM753,550.00 untuk tempoh tiga tahun penyelidikan. Geran penyelidikan TRGS dibawah KPT ini menggabungkan beberapa bidang akademik yang berbeza untuk membina kerjasama keserakanan merentasi pelbagai kluster penyelidikan dan bersifat trans disiplin. Penyelidikan yang dilakukan oleh ISI bertajuk *An Effective New Model For Content Understanding And Knowledge Dissemination Of The Quran Using Intelligent Data Model.* Penyelidikan ini diharap dapat melonjakkan penjanaan teori, konsep dan idea baru yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru yang menerobos sempadan ilmu dan penciptaan inovatif.

### Indeks Syariah Malaysia (ISM)

Dalam pada itu, ISI turut menjalankan geran penyelidikan Indeks Syariah Malaysia (ISM) yang bermatlamat untuk Menilai Keberkesanan Usaha Kerajaan Dalam Melaksanakan Maqasid Syariah Untuk Program Berkaitan Kesihatan Di Malaysia. Geran ini ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan yang dipengerusikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Dalam usaha memantapkan pusat kecemerlangan ini pula, ISI telah melaksanakan 2 siri Bengkel Halatuju Institut Sains Islam yang bertujuan untuk memurnikan visi dan misi. Hasil daripada bengkel tersebut, visi dan misi baharu telah bentangkan:

### VISI & MISI

- **Vision**: *To be a world renowned reference centre of excellence for research and innovation in the field of Islamic Science for the wellbeing of the ummah and humanity at large.*

- ***Mission:*** *To be the centre of excellence that pioneers the framework of Islamic Science as an academic discipline that generates new frontier of knowledge for the betterment of the ummah and humanity.*

## MOTO

- *Legacy Driven*
- *Inspiring the Future*

Antara aktiviti utama merangkumi: menjalankan penyelidikan bersepadu dalam pelbagai disiplin juga bidang Sains Islam; menyiarkan penemuan penyelidikan; membangunkan modul latihan bagi industri; melatih graduan dalam bidang Sains Islam; menjana harta intelek dalam bentuk paten, hak cipta, dan lain-lain; menganjurkan ceramah, wacana dan perbincangan meja bulat mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Sains Islam; dan membangunkan produk-produk inovatif dan kreatif yang berteraskan falsafah Sains Islam.




**Prof. Dr. Rosalina Abdul Salam, Pengarah Institut Sains Islam (ISI) bersama Prof. Tan Sri Dr. Mohd. Kamal Hassan dalam satu majlis anjuran ISI**




Antara program anjuran ISI yang dilihat memberi impak kepada audien:

## Forum Sains Islam

Forum Sains Islam yang diadakan dengan menjemput barisan panelis dari pelbagai bidang telah membincangkan isu berkaitan Sains Islam dari pelbagai aspek. Forum tersebut menjadi sebuah platform untuk percambahan idea serta berkongsi ilmu berkaitan Sains Islam sekaligus meningkatkan kefahaman tentang tujahan bidang tersebut.

## Kesimpulan

Penyelidikan dan aktiviti yang dijalankan oleh ISI dalam usaha merungkai dan memberi kefahaman berkenaan Sains Islam membantu USIM dalam usaha memantapkan penyelidikan integrasi Naqli dan Aqli. ISI terus bergerak untuk mencapai objektif dalam membantu usaha perkembangan ilmu Naqli dan Aqli di USIM.

## Bengkel Percambahan Idea : Sains dan Islam

Prof. C.K. Raju, Profesor di *Institute of Science* dari India yang telah dijemput memberikan perkongsian berkenaan Islam dan Sains, pandangan dan perkongsian beliau yang berunsurkan calculus dan fizik telah memberikan perspektif dan pandangan yang berbeza namun bermanfaat kepada peserta terhadap Sains.

# MAJLIS KONVOKESYEN KE-13 USIM RAI 2,502 GRADUAN

**Oleh : Syazlyna Jamil**




Seramai 2,502 graduan menerima ijazah dalam bidang masing-masing di Majlis Konvokesyen ke-13 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang diadakan selama tiga hari bermula 7 hingga 9 November 2015 bertempat di Dewan Tuanku Canselor.

Majlis Konvokesyen kali ini mencatat peningkatan graduan berbanding tahun lalu dengan kenaikan sebanyak 48 peratus. Ia merangkumi pecahan mengikut tahap pendidikan iaitu 34 orang penerima Doktor Falsafah; 142 orang penerima Sarjana; 30 orang penerima Diploma dan 2,296 orang penerima Ijazah Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut Doktor Falsafah mencatatkan peningkatan sebanyak 48 peratus, penambahan kepada 34 graduan berbanding 23 graduan pada tahun lepas. Sarjana mencatat peningkatan sebanyak 61 peratus, penambahan kepada 142 graduan berbanding 88 graduan pada tahun lepas. Turut menunjukkan peningkatan adalah Diploma Lanjutan sebanyak tiga peratus, penambahan kepada 30 berbanding 29 graduan pada tahun lepas. Bagi Ijazah Sarjana Muda pula peningkatan adalah sebanyak 48 peratus, kenaikan kepada 2,292 berbanding 1,549 graduan pada tahun lepas.



Majlis Konvokesyen ini mencipta sejarahnya apabila melahirkan seramai 10 orang graduan perintis daripada Program Sarjana Muda Sains Senibina, Fakulti Sains dan Teknologi. Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) juga melahirkan graduan perintis dari 3 program barunya iaitu Program Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian (PPG), Program Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian (Pendidikan Islam) (PPG) dan Program Pendidikan (Sekolah Rendah) dengan Kepujian (Bahasa Inggeris) (PPG).

Tema reka bentuk konvokesyen ke-13 diilhamkan daripada konsep Muqarnas, iaitu salah sebuah binaan yang paling asli dalam seni bina Islam, tanpa merujuk kepada mana-mana ketamadunan sebelumnya. Pengkaji senibina Islam menjangkakan Muqarnas berasal daripada Baghdad, berdasarkan beberapa kubah bercirikan Muqarnas yang ditemui seawal 879H (1468M). Pemilihan tema adalah bersempena dengan kejayaan USIM melalui Fakulti Sains dan Teknologi melahirkan graduan sulung daripada Program Sarjana Muda Sains Senibina.



"Muqarnas merupakan elemen dekorasi tiga dimensi pada bahagian dalam kubah bangunan, yang diinspirasikan oleh komposisi geometri sarang lebah. Perkataan muqarnas berasal dari Bahasa Arab, yang bererti kubah stalaktit. Tidak seperti seni dekorasi lain yang umumnya bersifat dua dimensi, muqarnas ditransformasi menjadi seni dekorasi yang mempunyai ruang didalamnya. Hal inilah yang menjadikan muqarnas menarik untuk dikaji secara mendalam, dimulakan dari segi estetika bentuk, fungsi, sehinggalah kepada susunan makna dan pelajaran yang dapat diperoleh dari perletakannya," jelas Dato' Musa.

"Saya berharap agar semua graduan dapat meluaskan imej dan citra USIM kepada masyarakat yang sentiasa dahagakan golongan ilmuwan profesional yang berpendidikan sepadu seterusnya mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara," ucap Naib Canselor mengakhiri ucapannya.

Istiadat Pembukaan Majlis Konvokesyen ke-13 telah disempurnakan oleh DYMM Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Tuanku Canselor USIM. Turut sama berangkat ke majlis ini adalah YAM Tengku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz selaku Pro-Canselor USIM .

# DUA TOKOH TERIMA IJAZAH KEHORMAT
## SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KE-13 USIM




**Oleh : Syazlyna Jamil**

Di Majlis Konvokesyen USIM Ke-13 dua tokoh ternama iaitu Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor, Presiden Universiti Islam Malaysia menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pendidikan manakala bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman.

Mohd Yusof Noor adalah antara individu terawal yang memegang amanah sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti sejak awal menubuh pada tahun 2000 hingga tahun 2012. Beliau merupakan pencetus dan penggerak penubuhan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang kemudian dinaiktaraf kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2007.

Di bawah kepimpinan beliau, USIM bergerak maju dari sebuah universiti yang tidak dikenali di awal penubuhannya menjadi sebuah universiti yang disegani di peringkat serantau dan antarabangsa, hinggalah terbentukknya lapan fakulti sehingga kini. Kepimpinan beliau yang luar biasa membangkitkan semangat pihak pengurusan, kakitangan serta pelajar-pelajar universiti dari semua fakulti termasuk Fakulti Pengajian Bahasa Utama untuk meraih pelbagai anugerah dan pengiktirafan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Berlainan dengan Tun Zaki Tun Azmi, selepas bersara sebagai Ketua Hakim Negara beliau tetap aktif dan terus diberi kepercayaan untuk menyumbang idea dalam pebagai organisasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau merupakan Canselor bagi Universiti Multimedia (MMU) dan Universiti Mahsa turut dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Universiti Malaysia Sabah (UMS) selain berperanan sebagai Pengerusi de facto kepada pengerusi-pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Awam Malaysia dan Hakim Dubai International Financial Centre yang mendengar kes-kes melibatkan isu kewangan antarabangsa yang berpusat di Dubai.



Prof. Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir Wan menerima gelaran Profesor Emeritus daripada Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud, Canselor USIM

Kepakarannya dalam bidang kehakiman dan undang-undang dapat dilihat dari sumbangan beliau terhadap pembangunan kurikulum program akademik di Fakulti Syariah dan Undang-undang di USIM sejak tahun 2011 apabila beliau dilantik sebagai Profesor Adjung di Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Beliau sering berkongsi idea menyampaikan syarahan undang-undang kepada pelajar dan staf akademik fakulti seterusnya menggalakkan pelajar-pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang mengambil bahagian dalam pertandingan mahkamah moot (*Moot Court*) bagi mengasah kemahiran berhujah yang diperlukan oleh pelajar undang-undang.

Pada majlis yang sama, gelaran Profesor Emeritus turut diberikan kepada Prof. Dato' Dr. Wan Mohamad Nasir Wan, mantan Dekan Fakulti Pergigian yang kini merupakan Pakar Kesihatan Awam Pergigian dan Profesor di Fakulti Pergigian, USIM.

# PENERIMA ANUGERAH DIRAJA
## BERAZAM TABUR BAKTI SELEPAS BERGRADUASI

**Oleh : Syazlyna Jamil**

"Bertekadlah untuk menjadi anak yang berbakti, rakyat yang bermanfaat dan pemimpin yang menjunjung nilai murni, demi menyebarkan kesejahteraan dalam kehidupan. Dengan adanya semangat yang tinggi, para graduan mampu menjadi pendukung kepada perubahan sealiran dengan perjalanan masa," titah Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud, Canselor USIM dalam istiadat pembukaan Majlis Konvokesyen Ke-13 di Dewan Tuanku Canselor.

Pada majlis itu, Mohd Taqwudin Mohd Yazid, 24, dengan PNGK 3.82 dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama dianugerahkan Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang). Ketokohannya terserlah apabila pernah memegang jawatan di Biro Pembangunan Akademik dan Intelektual Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi Akademik 2013/2014 malah turut mewakili USIM dan Malaysia ke beberapa program kepimpinan peringkat antarabangsa seperti *The 5th University Scholars Leadership Symposium,* di Phnom Penh, Kemboja dan *The 2nd ASEAN Future Leader Summit* di Malaysia-Thailand.

Kepetahan beliau dalam berbahasa Arab membolehkan beliau mewakili USIM-Malaysia dalam *Maal Hijrah Arabic Debate Championship 2014 dan ASEAN Arabic Debate Championship 2015.* Berbekalkan penguasaan Bahasa Inggeris yang baik, beliau telah mengikuti Latihan Industri Antarabangsa di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam.

Beliau kini telah dilantik menjadi Felo siswazah di Fakulti Pengajian Bahasa Utama dan sedang bersiap sedia untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dalam bidang Linguistik Gunaan Bahasa Arab di Universiti Kebangsaan Malaysia.



"Perasaan gembira dan terharu sukar digambarkan apabila melihat kegembiraan terpancar di wajah kedua ibu bapa saya yang paling banyak memberi sokongan dalam bentuk material, kewangan dan sokongan moral. Alhamdulillah, usaha selama 4 tahun berbayar," jelas Mohd Taqwudin yang bercita-cita menjadi pensyarah Bahasa Arab."

**Mohd Taqwudin Mohd Yazid,**
Penerima Anugerah Pelajaran DiRaja.



"Anugerah ini merupakan hadiah saya kepada kedua ibu bapa saya atas jasa dan dorongan yang diberikan malah bantuan dari semua pihak adalah penyumbang utama kejayaan saya ini. Kejayaan ini tidak akan terhenti di sini, saya akan terus meningkatkan potensi diri baik dari sudut pendidikan, kemahiran mahupun kerjaya agar dapat berkhidmat pula kepada ibu dan ayah tercinta, keluarga, agama serta negara."

**Mohd Amarul Arif Mohd Shuhaimi**
Penerima Anugerah Pelajaran DiRaja.

Bagi Mohd Amarul Arif Mohd Shuhaimi, 25, dengan PNGK 3.81 dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan pula kecemerlangannya bukan sahaja di bidang akademik, malah turut terlibat secara aktif berpersatuan antaranya pernah menjadi Presiden Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan sesi 2013/2014, Presiden *Young Muslim Leaders of the Future* (YMLF) USIM, Ketua Pembantu Urusetia Minggu Orientasi Pelajar Sarjana Muda 2013 malah beliau tampil kehadapan dalam bidang pengacaraan antaranya di Festival Seni Islam USIM 2014, Konsert Senandung Buatmu Gaza sempena Konvensyen Keusahawanan Islam ke-10 dan Seminar Antarabangsa Seni Dalam Pembangunan Manusia Pada Era Moden 2015.

Mereka kedua-duanya menerima segulung watikah, sebuah medal dan wang tunai sebanyak RM5,000.00 yang disempurnakan oleh Tuanku Canselor USIM.

Pada majlis yang sama Anugerah Canselor (Sarjana Muda) dianugerahkan kepada Sa'adah Zainal, 3.88 dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan Mohammad M. Mohd Alghlailat, Fakulti Syariah dan Undang-undang (Sarjana) berdasarkan kecemerlangan yang ditunjukkan dalam hal ehwal akademik dan sosial. Sementara itu, Noor Faradzela Mohamad, 3.67 dari Fakulti Pergigian menerima Pingat Emas Naib Canselor.

Turut diberi penghargaan adalah kepada seorang graduan penerima Augerah Khas Yayasan Tun Azmi, seorang graduan penerima Anugerah Khas Kecemerlangan Muamalat Dato' Dr Abdul Halim Ismail, seorang graduan penerima Anugerah Khas *Malaysian Press Institute*, seorang graduan penerima Anugerah Khas Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, seorang graduan penerima Anugerah Khas PERKAMA International diikuti sebanyak 5 graduan penerima Hadiah Buku Universiti, 8 graduan penerima Hadiah Buku Fakulti dan 8 orang penerima Hadiah Ko-Kurikulum.






Majlis Konvokesyen


DEWAN TUANKU CANSELOR


USIM


Majlis Konvokesyen




Tinggi
USIM






USIM


DEWAN TUANKU CANSELOR





# DYMM TUANKU CANSELOR USIM BERKENAN LANCAR BUKU 'USIM DI NEGERI SEMBILAN'

**Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus**

Sempena Majlis Konvokesyen Ke-13, Universiti Sains Islam Malaysia meraikan para graduan cemerlang bersama ibu bapa masing-masing serta penerima ijazah kehormat di Majlis Santapan pada 6 November 2015 bertempat di Pullman Hotel, Putrajaya.

DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Canselor USIM berkenan mencemar duli ke majlis tersebut bersama Pro Canselor USIM, YAM Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz.

"USIM melancarkan satu buku khas 'USIM di Negeri Sembilan' sebagai tanda menghargai hubungan erat yang terjalin antara keluarga Diraja Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri sepanjang 15 tahun penubuhannya, dengan kerajaan negeri dan istana, kelestarian pendidikan, seni budaya dan sukan," jelas Dr. Faizal Kasmani selaku ketua pengarang buku tersebut.

"Buku terbitan Pusat Komunikasi Strategik ini turut mendapat kerjasama dengan Pejabat Pelancongan Negeri Sembilan bagi berkongsi tempat pelancongan menarik, makanan dan adat tradisi di Negeri Sembilan. Ini juga sebagai salah satu bagi mempromosikan USIM yang merupakan satu-satunya universiti awam yang terletak di Negeri Sembilan," tambah Dr. Faizal lagi.

Buku ini mengandungi 200 halaman muka surat dan sebagai permulaan akan diterbitkan sebanyak 80 buah naskah untuk diedarkan kepada pejabat kerajaan dan sekolah terpilih di Negeri Sembilan.

Sementara pada malam itu, seramai lima graduan cemerlang menerima hadiah yang disampaikan oleh DYMM Tuanku Canselor USIM. Mereka adalah Mohd Taqwudin Mohd Yazid dan Amarul Arief Mohd Shuhaimi penerima Anugerah Pelajaran Diraja. Manakala dua penerima Anugerah Canselor adalah Sa'adah Zainal dan Mohammad M Mohd Alghlailat, dan penerima Anugerah Pingat Emas Naib Canselor adalah Noor Faradzela Mohamad.

Sementara pada majlis itu, USIM turut memeterai dua Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Cyber Security Malaysia (CSM) dan Al-Farabi Kazakh National University (KAZNU).

Turut hadir sama Menteri Besar Negeri Sembilan Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hassan, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Hj Abd Shukor Hj Husin, Naib Canselor USIM, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad dan tetamu kehormat yang lain.

# STRACOMM CERIAKAN PERSIAPAN PERSEKOLAHAN ANAK YATIM




**Oleh: Mohd Zaini Othman**



Sesi persekolahan yang dibuka pada awal Januari 2016 akan memberi kegembiraan kepada 22 orang anak yatim apabila di bawa membeli belah barangan persekolahan mereka bersama kakitangan Pusat Komunikasi Strategik (StraComm), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Anak-anak yatim dari Rumah Anak Yatim Asnaf Murni Sendayan, Negeri Sembilan terlebih dahulu di bawa melawat Kampus USIM dan Canselori pada sebelah paginya. Mereka selepas itu ke Pasaraya Tesco Bandar Baru Nilai untuk mendapatkan keperluan persekolahan seperti baju seragam, kasut, alat tulis, beg sekolah, pakaian sukan dan lain-lain lagi.

Menurut Encik Mohd Asri Husain, Timbalan Pendaftar Kanan StraComm, program Tanggungjawab Sosial (CSR) Jabatan tahun ini telah memilih untuk memberi kegembiraan kepada anak-anak yatim sebagai menutup buku 2015 dengan aktiviti berbentuk amal kebajikan.

"Ini salah satu bentuk aktiviti yang selari dengan saranan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan untuk USIM sentiasa dekat dihati masyarakat negeri ini. Pada November lalu, StraComm telah hasilkan buku khas 'USIM di Negeri Sembilan' yang dilancarkan oleh DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Tengku Besar Mahmud, Canselor USIM. Buku ini menceritakan hubungan langsung dan akrab silaturrahim USIM dengan istana, Kerajaan Negeri Sembilan, sekolah dan rakyat sepanjang 15 tahun USIM ditubuhkan," jelas Encik Asri.

Pada program ini, kakitangan StraComm meluangkan masa hampir tiga jam bersama anak-anak yatim memilih keperluan persekolahan yang sesuai. Kegembiraan jelas terpancar di wajah mereka dan pihak Pengurusan Rumah Anak Yatim Asnaf Murni Sendayan yang turut serta mengucapkan terima kasih pada USIM atas sumbangan yang diberikan. Terdapat juga sumbangan individu semasa program membeli-belah di Tesco dijalankan. Semoga Allah merahmati usaha ini. Turut hadir sama menjayakan program ini, Pengarah StraComm, Dr Faizal Kasmani dan Pengerusi Pusat Jagaan Asnaf Murni, Ustaz Mohd Shukri Abu Hassan.



# GALAKAN BUDAYA MEMBACA, USIM BINA 10 'LITTLE FREE LIBRARY'

**INFO**

Little Free Library

**LFL**

**"TAKE A BOOK, RETURN A BOOK"**

Memuatkan sekitar 50 buah bahan bacaan dalam satu-satu masa.

Dibina berbentuk **rumah minangkabau**.

Didirikan di kawasan tumpuan utama warga kampus seperti :

- **Canselori,**
- **Perpustakaan,**
- **Kolej kediaman dan perhentian bas.**

Objektif LFL diwujudkan adalah untuk **membudayakan amalan membaca (Iqra')** dalam kehidupan harian warga universiti selari dengan slogan USIM iaitu 'Peneraju Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli'.



**Oleh: Mohd Zaini Othman**

Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi perpustakaan Universiti Awam pertama dan kelima di dalam negara yang mengambil inisiatif mewujudkan perpustakaan mini '*Little Free Library*' secara rasmi (berdaftar) dengan *Little Free Library Organization* (LFL) yang berpusat di Hudson, New York.

LFL yang ditubuhkan pada Mei 2015 yang diasaskan oleh Todd H. Bol dan Rick Brooks merupakan sebuah organisasi tidak berasaskan keuntungan yang mempunyai misi keusahawanan sosial dalam menyediakan akses buku oleh orang awam secara percuma melalui konsep "Take a Book, Return a Book".

LFL USIM dengan nombor pendaftaran (charter number) #31743, boleh memuatkan sekitar 50 buah bahan bacaan dalam satu-satu masa. Penubuhannya turut mendapat galakan Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad.

Perpustakaan USIM menempatkan 10 buah kotak kecil LFL USIM yang dibina berbentuk rumah minangkabau di sekitar kampus khususnya di kawasan tumpuan utama warga kampus seperti Canselori, perpustakaan, kolej kediaman dan perhentian bas. Sebanyak empat unit LFL USIM telah siap dipasang dan bakinya akan dipasang secara berperingkat-peringkat.

Objektif LFL diwujudkan oleh USIM adalah untuk membudayakan amalan membaca (Iqra') dalam kehidupan harian warga universiti selari dengan slogan USIM iaitu 'Peneraju Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli'. Selain itu, ia juga akan melibatkan warga universiti dalam khidmat komuniti kerana pengurusan LFL sendiri adalah berbentuk sukarelawan.

Keurusetiaan LFL USIM kini diletakkan di bawah Jabatan Perpustakaan (Pejabat Timbalan Ketua Pustakawan Kanan) dan Sekretariat Sahabat Kembara Ilmu (SKIL) dengan dibantu 47 orang sukarelawan terdiri daripada kakitangan dan mahasiswa USIM. Lebih 1100 bahan bacaan hasil sumbangan warga kampus dan masyarakat luar telah diterima oleh LFL USIM setakat ini dalam bentuk buku, majalah dan jurnal.

Penubuhan LFL USIM ternyata menarik perhatian kerana konsep yang dilaksanakan amat mesra pengguna iaitu ambil sebuah buku dan tinggalkan sebuah buku (sumbangan), tiada pendaftaran dan yuran keahlian, tiada tarikh pulang dan denda lewat pemulangan, dibuka 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu serta perpustakaan mini ini milik semua orang.

Konsep pelaksanaan LFL yang mudah, murah dan boleh dilaksanakan oleh sesiapa sahaja ini diharapkan terus berkembang dan LFL USIM ini menjadi contoh bagaimana usaha kecil yang boleh memberi impak yang besar dalam menyemarakkan dunia pembacaan dalam kalangan masyarakat setempat.

Menurut laman rasmi LFL (http://littlefreelibrary.org/), sehingga September 2015, terdapat lebih 32,000 LFL telah dibangunkan di 70 buah negara termasuk Malaysia.




# KEJOHANAN BADMINTON TERTUTUP USIM 2015 BERSAMA IKON SUKAN TANAHAIR ROSLIN HASHIM & ZAKRY LATIF

**Oleh: Shahreza Mohammedin**



Menjadi sejarah kesukanan USIM apabila buat julung kalinya seramai 72 orang pemain yang terdiri dari staf dan pelajar telah menyertai Kejohanan Badminton Tertutup USIM dan Sesi "*Knowledge Sharing* Bersama Ikon Sukan Tanahair Roslin Hashim & Zakry Latif" pada 13 Disember 2015 bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks Kuarters KLIA.

Kejohanan anjuran Pusat Sukan USIM bersama urusetia pasukan badminton USIM ini adalah untuk mencari bakat-bakat baru yang berpotensi diketengahkan mewakili USIM untuk Kejohanan SUKUM & MASUM yang akan diadakan pada tahun 2016.

Menurut Mohd Fauzi Amirudin, pengarah program, kejohanan kali ini mendapat sambutan penyertaan yang mengalakkan. Dengan sokongan pihak Pengurusan dan Pusat Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), kejohanan ini diharapkan akan menjadi acara tahunan universiti dalam melestarikan gaya hidup sihat dikalangan warganya.

"Seramai 30 orang pemain berpotensi akan dipilih untuk mewakili USIM ke Sukan SUKUM dan MASUM yang akan berlangsung pada tahun hadapan," jelas Fauzi.

Roslin Hashim dan Zakry Latif sebagai ikon jemputan pada kejohanan kali ini telah memberikan `suntikan semangat yang sangat bermakna buat bakal-bakal atlet USIM untuk menghadapi Kejohanan di masa hadapan. Secara keseluruhannya, penganjuran kali ini memperlihatkan semangat kesukanan yang tinggi di kalangan mahasiswa dan staf.




# SWAT 2015 MEMARTABATKAN AL-QURAN SEBAGAI ASAS KESEJAHTERAAN

**Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus**

Buat kali keempat, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), USIM menganjurkan Seminar Wahyu Asas Tamadun pada 6 dan 7 Oktober 2015 bertempat di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), USIM.

Seminar ini merupakan kesinambungan pertemuan yang lalu bagi tujuan membincangkan pelbagai isu yang berkaitan dengan Quran dalam konteks keperluan masyarakat kini. Selaras dengan keperluan semasa, tema "Memasyarakatkan Quran, Mensejahterakan Ummah" dipilih sebagai skop utama perbincangan dalam menjadikan Quran sebagai teras kelangsungan kesejahteraan Ummah.

Seminar ini dirasmikan oleh YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. Turut hadir adalah Datuk Abdul Latif Mirasa, Pengarah Yayasan Restu sebagai Pembentang Jemputan dan juga Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor USIM.

Seminar selama dua hari ini melibatkan satu ucaptama, dua kertas kerja jemputan, satu sidang plenari dan pembentangan kertas kerja melalui lima sidang selari. Seramai 200 peserta menghadiri seminar ini yang terdiri daripada 150 pembentang kertas kerja sidang selari yang terdiri dari kalangan para ahli akademik, penyelidik, tokoh-tokoh agama, kakitangan majlis / jabatan agama Islam negeri, kakitangan swasta, penjawat awam, pelajar-pelajar institut pengajian tinggi dari dalam dan luar negara serta orang ramai yang berminat.

Antara objektif program ialah memartabatkan al-Quran sebagai asas kesejahteraan dan pencetus transformasi umat dan mengutarakan metod pengaplikasian al-Quran dalam kehidupan masyarakat moden. Disamping itu juga, ia bertujuan untuk mengemukakan hasil kajian terbaru yang berkaitan al-Quran dan meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap al-Quran.

Menurut Dato' Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, penganjuran Seminar Wahyu Asas Tamadun (SWAT 2015) ini dilihat sebahagian daripada mekanisma melonjakkan keagungan al-Quran di mata umat Islam dalam usaha memupuk kesejahteraan ummah dalam pelbagai aspek, lantaran kepincangan yang melanda umat pada hari ini. Buah fikiran dan perkongsian oleh para pembentang tentunya tidak akan terhenti sekadar cetusan idea, teori dan resolusi semata, malah implimentasinya harus dijelmakan agar menjadi resipi penyelesaian masalah dan menjadi manual kejayaan umat Islam dan dunia amnya.

"Dalam hal ini, kerajaan memandang bahawa segala usaha bagi memartabatkan al-Quran di tempat yang tertinggi amat wajar diberi sokongan padu, terutamanya dalam menjadikan al-Quran sebagai sumber kemajuan manusia di dunia dan akhirat. Kerajaan akan sentiasa berdiri teguh dan memberikan sokongan sepenuhnya dalam setiap peranan dan usaha murni yang dimainkan oleh USIM. Justeru, usaha yang gigih perlu terus disemarakkan oleh semua pihak agar ia menjadi lebih bermakna. Inisiatif yang diambil oleh USIM melalui Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dengan penganjuran seminar ini insya Allah mampu membongkar ilmu-ilmu dan penemuan-penemuan terkini bersumberkan al-Quran bagi menangani masalah serta cabaran yang dihadapi," tambah beliau.

Seminar ini bakal menjadi platform pertukaran idea dan percambahan pemikiran bagi mendalami isu-isu berkaitan pengajian Quran dan ketamadunan. Pertemuan antara cendekiawan dan intelek mampu menjana satu jalinan usahasama ilmiah bukan sahaja di antara Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia, malah di antara IPT tempatan dan antarabangsa.

USIM sebagai sebuah Universiti Awam yang mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli sememangnya sentiasa peka dan mengambil berat terhadap isu-isu kontemporari berkaitan Quran dan aspek-aspek yang berkaitan dengan ketamadunan manusia. Selain itu, tema-tema yang digariskan di dalam SWAT 2015 amat releven dengan kursus-kursus dalam program pengajian yang ditawarkan di FPQS.

Majlis turut menyampaikan sijil kepada tiga orang pemenang '*Best Paper in SWAT 2015*' iaitu Dr. Adama Bamba dari UM, Omar Osman Hamidi dan Norjihan Ab Aziz dari IIUM.

Turut hadir sama pada majlis tersebut, Naib Canselor USIM Prof, Dato' Dr. Musa Ahmad, Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff dan pengurusan kanan universiti.

# PEMBANGUNAN INTELEKTUAL MAHASISWA PERLU SELARI DENGAN KEMANTAPAN SPIRITUAL

**Oleh : Imran Bin Razalle**
**Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar 2015/2016, Universiti Sains Islam Malaysia**

Tahun 2015 telah menyaksikan pelbagai fenomena yang menggemparkan masyarakat Malaysia dan telah memberi impak yang besar terhadap pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat. Gejala sosial, peningkatan kadar jenayah, gangsterisme dan banyak lagi kejadian lain yang melibatkan golongan muda bergelar mahasiswa amatlah dirasai oleh masyarakat.

Di antara aspirasi pendidikan tinggi negara adalah untuk melahirkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Memetik kata-kata seorang tokoh akademik negara, Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, dalam pada ucapannya di Persidangan Pemimpin Universiti Negara Islam (WICULS) 2015 di Putrajaya baru-baru ini berkata, hati kepada pendidikan itu adalah merupakan pendidikan pada hati.



Namun, apa yang amat membimbangkan hari ini ialah, kejadian jenayah dan masalah sosial yang berlaku ini tidak menunjukkan tanda-tanda akan berlaku pengurangan. Bahkan, ia telah menjadi satu wabak yang jika tidak dibendung akan menjadi barah yang seterusnya akan merugikan negara kerana rata-rata yang terlibat adalah golongan muda.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) (PPM PT) 2015-2025 yang dibentangkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Malaysia baru-baru ini merupakan suatu yang signifikan dan perlu dianggap sebagai suatu usaha murni kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti pendidikan tinggi negara. Suatu aspek yang saya kira cukup penting yang ditekankan dalam PPM PT kali ini adalah wajar untuk diberi perhatian.

Ini memberikan konotasi bahawa dalam pada penekanan tentang pembangunan intelektualisma mahasiswa, penekanan pada pemantapan spiritual mahasiswa itu juga suatu perkara yang perlu dititik beratkan untuk merealisasikan aspirasi pendidikan negara untuk melahirkan graduan yang seimbang dari segenap sudut merangkumi intelek, rohani dan jasmani.

Justeru, amat penting untuk para ahli akademik dan mahasiswa menilai kembali apa yang sepatutnya menjadi kayu ukur tentang kecemerlangan mahasiswa dan mengikis persepsi hanya kepentingan akal yang perlu diutamakan. Pembinaan akal dan jiwa mahasiswa dan masyarakat negara perlu seiring.

Sebagaimana Islam sentiasa menggalakkan umatnya untuk berfikir dan mencari jawapan bagi setiap perkara kerana inilah yang akan menyumbang kepada perkembangan budaya ilmu. Namun tidak dilupakan bahawa aspek pembangunan spiritual juga menjadi keutamaan dalam membimbing kemana akhirnya ilmu itu disalurkan.

Dalam konteks Islam, setiap idea dan pemikiran itu perlu dipandu dengan wahyu. Bermakna segala apa yang difikirkan walaupun itu dianggap sebagai logikal, tetapi sekiranya ia bersalahan atau bercanggah dengan syariat yang digariskan dalam Al-Quran dan Sunnah, maka ia bukanlah sesuatu yang baik dan ditegah. Timbul persoalan, generasi apa yang perlu kita lahirkan?

Memetik pandangan Dr. Yusuf Al-Qardhawi, seorang cendekiawan Islam, sistem pendidikan perlu melahirkan generasi yang bersandarkan kepada realiti dan keilmuan. Generasi ini adalah generasi yang berlepas daripada segala sangkaan dan berhukum dengan keilmuan dan kebenaran yang nyata. Dan inilah ciri yang dimaksudkan mahasiswa holistik yang cemerlang intelektual dan mampan spiritual tunjang kepada aset sesebuah negara.

Wajarnya, falsafah pendidikan negara perlu dihayati oleh segenap pihak dan lapisan masyarakat agar aspirasi dan hasrat kerajaan dalam melahirkan mahasiswa yang holistik bagi mencapai wawasan 2020. Penghayatan ini sepatutnya merentasi sempadan politik, perkauman dan perbezaan agama agar pembinaan akal dan jiwa itu lebih menampakkan Malaysia sebuah negara yang produktif di mata dunia.



# KLIP MOBILE TO SERVE NEGERI SEMBILAN COMMUNITY

**By: Syazlyna Jamil**




Universiti Sains Islam Malaysia(USIM) and Negeri Sembilan Health Department collaborated to provide a mobile eye specialist clinic to the public in Negeri Sembilan. The *Klip Mobile* is a timely and laudable effort which will immensely benefit the Negeri Sembilan community.

At the launch of the mobile eye clinic in Batu 13 Labu Hilir, the Chief Minister of Negeri Sembilan , YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan, officiating, expressed his pleasure and approval for this new facility which will help rural people get eye treatment at an affordable cost.

Through this facility, people in the rural areas will have the opportunity to get their eyes examined and treated by specialist eye doctors. These eye specialists will also carry out rural visits to all districts in Negeri Sembilan. With a nominal fee of only RM 5, patients will receive consultation and treatment as well as hospital referral for follow-up treatments when necessary.

"The service is a noble effort to bring health services to the community for the well-being of the society. Common eye diseases such as cataracts, glaucoma, macular degenerative disease, diabetic retinopathy and cataracts involving the elderly, can be easily referred to a specialist doctor here. It is hoped that the public can benefit from the services provided," commented Dato' Mohamad Hasan.

Also present at the ceremony were Negeri Sembilan Health Director, Dr Abdul Rahim Abdullah, The State Secretary, The State Assemblyman for Labu, Datuk Haji Hasim Rusdi and USIM Deputy Vice Chancellor, YBhg Prof. Dato' Dr. Mohd Hanefah and Prof. Dr. Tauffik Muhammad Mohd Noor, the Deputy Director of USIM's Health Specialist Centre.

# FMHS USIM SHARE EXPERTISE THROUGH SUNATHON

**By: Noorumaina Mohamed Yunus**

In an effort to reach out to the community, the Faculty of Medicine and Health Sciences (FMHS) or better known as Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) and Pertubuhan Kebajikan Islam dan Khairat Kematian (PKIKK) Taman Bukti Seremban, collaborated to organize a Grand Circumcision and Health Examination Programme (Sunathon). The programme was held in Taman Bukti Mosque, Ampangan Seremban.

According to Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, Deputy Vice-Chancellor (Academic and International) USIM, the programme aimed to aid children in the locality who are less fortunate, to increase awareness of the importance of health care.

"A total of 39 children aged between five and eleven have the opportunity to be circumcised en masse with the expertise of six surgeons with a fee of RM70 per person compared to RM180 in private clinics."



"FHMS USIM's experts are highly committed to community activities in line with the objective of the program which is community engagement," adds Prof. Dr. Zulkiple.

Also held were dental examination, health and career fairs, motivational talks and *rukhsah ibadah* talks to help create a community awareness and facilitate health care.

The program was launched by State Assemblyman of Ampangan, Datuk Abu Ubaidah Redza. Also present were Prof. Dr. Mohd Taufik Md. Nor and Deputy Dean of FHMS, Dr. Dzulkhairi Mohd Mohd Rani.



# MAHASISWA USIM SERTAI MISI BANTUAN MUSIM SEJUK DI SYRIA

**Oleh :**
**Muhammad Miqdam Rashid**

Misi Kemanusiaan: Jelajah Mahasiswa di Bumi Jordan di bawah *Global Islamic Student Outreach* (GISO) USIM dengan kerjasama Badan NGO Muslim Care Malaysia yang menjalankan misi bantuan musim sejuk membawa seramai 8 orang mahasiswa USIM menyertai misi bantuan pelarian Syria di Jordan pada 7 hingga 10 November 2015.

Jordan merupakan negara ketiga terbesar kemasukan pelarian Syria demi menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa perang yang masih tidak berkesudahan. Musim sejuk hampir bermula dengan suhu kini mencecah 10 darjah celcius pada waktu malam.

Program Misi Kemanusiaan pelarian Syria ini merupakan program julung kali dianjurkan oleh mahasiswa USIM dengan membawa hasrat bahawa keberadaan mahasiswa itu juga mampu membantu dan mengangkat martabat mereka yang teraniaya dan dalam kesusahan.

Menurut pengarah program, Muhammad Miqdam bin Mohd Rashid, 22, program ini bermatlamat ingin memanifestasikan peranan mahasiswa sebagai agen perubahan yang mampu bersuara dan berperanan mengangkat nilai kemanusiaan dan memartabatkan maruah agama dan ummah di peringkat antarabangsa.

Misi ini turut disertai oleh pengarah dan penerbit terkenal Afdlin Shauki, Aziz M Osman, pendakwah bebas Syed Abdul Kadir Aljoofre dan bekas anggota kumpulan nasyid UNIC, Ahmad Fadzli Abd Aziz.

Antara aktiviti adalah pengagihan sumbangan musim sejuk dan keperluan harian kepada keluarga angkat pelarian Syria, sesi beli belah baju sejuk bersama kanak-kanak Syria, lawatan dan pengagihan di Kem Pelarian Dafina, Mafraq dan sesi pembelajaran santai bersama kanak-kanak Syria.

"Program ini telah membuka mata dan hati kami. Runtun hati kami apabila melihat dengan dua mata kami pelarian Syria di kem mereka. Suasana yang serba kekurangan, berlantaikan tanah lumpur, berbumbungkan khemah dan berdindingkan kanvas nipis. Tidak dapat kami bayangkan bagaimana mereka akan menghadapi musim sejuk pada kali ini yang dijangka terburuk dalam tempoh 100 tahun," ulas setiausaha program, Najihah Yaakob, 22.

"InshaaAllah kami akan terus konsisten dengan agenda pembangunan ummah walau di mana kami berada. Hadis Rasulullah SAW bermaksud sebaik-baik manusia adalah mereka yang bermanfaat kepada orang lain akan tetap menjadi tunjang perjuangan kami," ucap Muhammad Miqdam penuh harapan.










# SYIAR ISLAM TERUS SEMARAK DALAM KOMUNITI ISLAM DI KRABI

**Oleh : Mohd Zaini Othman**

Sekumpulan ahli Kelab Debat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melaksanakan lawatan ilmiah pada masa yang sama menjalankan khidmat komuniti berbentuk fizikal, kerohanian dan intelektual bersama-sama masyarakat Islam dalam "Travelog Menyelusuri Bumi Krabi" bermula 9 hingga 14 November 2015.

Terdiri daripada 10 peserta bersama seorang pegawai pengiring, mereka menempuh perjalanan darat sejauh 1010 km selama 14 jam sebelum melintasi beberapa daerah utama seperti Hat Yai, Phattalung, Songkhla dan Trang sebelum tiba di sana.

Komuniti Islam di Krabi bukannya seperti saudara seislam mereka di Yala, Narathiwat atau Songkhla yang mana penduduk terbesarnya di situ beragama Islam. Justeru itu, pelbagai pendekatan dilaksanakan bagi memastikan syiar agama Islam terus semarak dikalangan penduduk Islam Krabi.

Dasar pendidikan negara yang tidak memberi penekanan kepada sekolah berteraskan pendidikan Islam menjadikan survival dan pengorbanan para pendidik sekolah Islam di Krabi wajar dipuji. Peserta GISO berpeluang mengunjungi dua buah sekolah Islam iaitu Anubal Wunthong School (sekolah rendah) dan Wunthong Wittaya School (sekolah menengah) dan menjalankan aktiviti pemindahan ilmu (knowledge transfer) bersama pelajar-pelajar di sana.

Merupakan sekolah dwi-aliran iaitu menerapkan pendidikan kebangsaan di sebelah pagi dan pendidikan Islam bermula pada petang sehingga malam, sekolah ini tidak mengenakan sebarang yuran kepada para pelajarnya malah memberi bantuan makanan percuma kepada pelajar fakir miskin. Diasaskan oleh Almarhum Tuan Haji Soleh Thaokloy, kini ia diuruskan oleh anaknya,Tuan Hj Muktar Thaokloy, sekolah ini menjadi nadi kepada pendidikan Islam formal bagi penduduk di sana.

Tidak menerima peruntukan sepenuhnya dari Kerajaan samada seperti bayaran gaji guru, kelengkapan persekolahan dan pembangunan infrastruktur, inisiatif sendiri para guru dan pentadbiran sekolah, sumbangan zakat dan derma persendirian menjadi kelangsungan kepada institusi ilmu ini untuk terus melahirkan generasi yang berpegang teguh kepada al-Quran dan as-Sunnah.

"Pengisian utama yang kami laksanakan di Krabi ialah menziarahi penduduk fakir dan miskin untuk menyampaikan sumbangan makanan harian. Perlu menggunakan kenderaan pacuan empat roda kerana kemudahan jalan raya yang kurang baik dan terletak di pedalaman. Dua kampung menjadi destinasi yang dituju iaitu Kampung Klong Khamao dan Kampung Koh Khlang".

"Rasa sebak dan menitis air mata peserta GISO tidak dapat dibendung apabila mengunjungi beberapa rumah penduduk kampung yang amat daif dan mendengar sendiri kisah hidup mereka".

ujar **Abdul Rasydan Mohamad Rusli** selaku Pengarah GISO ke Krabi.






Pada hari yang lain, bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai syiar Islam di Krabi, para peserta GISO turut menziarahi Presiden Komuniti Islam Krabi, Tuan Hj Asnawee Mukura bertempat di pejabatnya di Masjid Besar Wilayah Krabi. Menjadi pusat aktiviti dakwah Islamiah dan tumpuan masyarakat Islam sekitar, masjid ini sentiasa menganjurkan pelbagai program keagamaan dan kerohaniaan sepanjang tahun.

"Di seluruh Thailand, kita mempunyai sekitar 40 daerah yang diduduki penduduk Islam dan kira-kira 230 yang masjid berdaftar di bawah Majlis Agama Islam. Alhamdulillah, masjid ini telah tiga tahun berturut-turut mendapat Anugerah Pengurusan Masjid Cemerlang oleh Kerajaan Thailand. Kita juga mempunyai hubungan akrab dengan Majlis Agama Islam Perlis dalam aspek perkongsian kepakaran kakitangan dan penganjuran kursus bersama," katanya.

Komuniti Islam Krabi menjadikan aktiviti pertanian iaitu getah dan pelancongan sebagai bidang utama sumber ekonomi mereka. Peluang berada di Krabi turut digunakan oleh peserta untuk merasai keindahan alam semula jadi yang Allah SWT 'hadiahkan' di sini. Deretan pelbagai kedai di sepanjang Pantai Aonang ibarat syurga membeli belah dan makanan kepada pengunjung kerana ia sentiasa meriah sehingga lewat pagi.

"Mencari makanan halal di sini tidak sesukar mana kerana terdapat lebih 160 premis hotel dan restoren yang menyediakan menu halal dan ia faktor utama pengunjung Islam 'selesa' bercuti di sini. Kehadiran pelancong Timur Tengah yang bertandang ke sini semakin bertambah saban tahun".

Menjadi destinasi pelancongan antarabangsa, pastinya ada tarikan menarik yang memancing pelancong tidak jemu ke sini. Salah-satunya adalah keindahan pulau-pulau yang terdapat sekitar Krabi. Jernih kehijauan air laut sehingga menampakkan keindahan batu karang dan ikan-ikan di sekitar Phi Phi Islands memberi pengalaman indah kepada peserta GISO apabila berpeluang mencuba aktiviti snorkeling. Pasir pantainya yang putih dan bentuk batuan pulau-pulaunya yang unik memberi panorama yang amat cantik untuk merakam foto sebagai kenangan" kata Nur Azreen Zainal, pendebat Bahasa Arab USIM yang mengikuti GISO ini.

Peserta juga mengunjungi Emerald Pool dan Blue Pool yang terbentuk daripada air semulajadi di bawah tanah. Perlu berjalan kaki kira-kira 1 km dari pintu utama untuk ke lokasi kolam, lelahnya hilang apabila melihat kecantikan warna airnya diikuti dengan aktiviti mandi-manda sepuasnya.

Keindahan semulajadi dan kebersihan kawasan-kawasan tumpuan pelancong di sekitar Krabi terpelihara baik kerana penguatkuasaan undang-undang ketat dan dasar kerajaan yang meletakkan jagaannya di bawah pihak Tentera.

Tidak lengkap mengunjungi Krabi jika tidak mencuba pengalaman menaiki gajah yang menjadi simbol kepada negara Thailand ini. Bersiar-siar menaiki gajah hampir sejam di sekitar Tham Sua Cave amat menarik kerana melalui kawasan denai hutan, bukit berbatu dan meredah kolam air dan sesekali mendengar tempikannya terasa amat mengujakan.

Musafir selama enam hari lima malam di Krabi memberi ibrah yang besar kepada peserta yang terlibat. Erti syukur atas segala nikmat yang Allah SWT berikan, tidak putus asa dalam menghadapi dugaan kesusahan serta menghargai keindahan semulajadi yang tiada galang gantinya menoktahkan perjalanan GISO ini mencapai objektifnya.





# USIM Persembahkan Seni Budaya Islam di Konsert Alhan Rabbaniyyah

**Oleh : Noorumaina Mohamed Yunus**

Bersempena sambutan 15 tahun penubuhan USIM, Pusat Kebudayaan USIM mengaspirasikan sebuah pentas seni budaya Islam, Konsert Alhan Rabbaniyyah untuk dihayati bersama khalayak bagi meningkatkan kefahaman, kesedaran dan keinsafan dan mendekatkan manusia kepada Penciptanya.

Alhan Rabbaniyyah adalah satu persembahan pentas yang berkonsepkan teater muzikal yang menggambarkan penceritaan mengenai proses kehidupan dan kematian seorang manusia bermula dengan kelahiran seterusnya menjalani kehidupan dan berakhir dengan kepulangannya kepada Penciptanya.



Penceritaan Alhan Rabbaniyyah dipersembahkan dalam bentuk bacaan syair, gurindam, gerak kreatif, lagu, puisi, dan nazam. Setiap segmen mempunyai jalan cerita tersendiri dan saling berhubung kait diantara segmen dengan segmen yang lain. Pengisiannya mengangkat empat tema utama dan setiap tema merangkumi 4 segmen persembahan iaitu Ibu Bapa, Ilmu, Rasulullah dan Ketuhanan.

Menurut Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) konsert Alhan Rabbaniyyah melangkaui jangkaan kerana ia merupakan kali pertama USIM menganjurkan sebuah persembahan kesenian dalam skala besar sebegini. Ia ibarat seperti sebuah konsert bertaraf tinggi kerana kualiti persembahan, susunan muzik, pencahayaan dan grafik layar serta kombinasi artis yang mantap telah membawa jiwa Alhan Rabbaniyyah ke dalam jiwa setiap hadirin.

"Konsert ini bukan sekadar konsert nyanyian biasa-biasa sebagai hiburan, tetapi ia sebagai santapan rohani pada masa sama mengajak mahasiswa dan masyarakat memahami 'Seni Berbudaya' sebagai satu pendekatan yang selari dengan nilai dan makna Islam dengan lebih mendalam," tambah beliau.

Alhan Rabbaniyyah menggabungkan 3 artis utama bertaraf antarabangsa dari 3 negara iaitu Sharifah Khasif dari Malaysia, Ramli Sarip dari Singapura dan Opick dari Indonesia. Selain itu, turut menampilkan barisan artis tempatan Roslan Madun, Zehra Zambri dan Adinda Amiro serta barisan Urus Setia Kesenian Pelajar USIM iaitu USIM Vokal Ensemble, Perkusirama, Fansuri, ATRA, Hanif Jalil dan Faiz Aziz. Istimewanya pada malam ini juga, Konsert Alhan Rabbaniyah diiringi sepenuhnya oleh Orkestra Tradisional Malaysia dari Istana Budaya di bawah bimbingan En Yazid Zakaria.

Majlis turut diserikan dengan keberangkatan DYMM Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir dan DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, Canselor USIM dan YAM Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin Ibni Tuanku Muhriz, Pro Canselor USIM serta tetamu kehormat yang lain.

Sebahagian daripada hasil dari kutipan tiket disumbangkan kepada Persatuan Kebajikan Al-Fikrah Malaysia yang merupakan badan kebajikan berdaftar di bawah JKM yang menempatkan penghuni lelaki dan wanita dikalangan pesakit kronik, warga emas serta terdampar tanpa pewaris.



# USIM AND JAKIM SEAL AGREEMENT TO OFFER BACHELOR OF QURAN AND SUNNAH

**By: Noorumaina Mohamed Yunus**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) with Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) signed a memorandum of agreement (MoA) to offer a Bachelor of Quran and Sunnah with Honours programme. This is another collaboration in the continuing cooperation between the two parties.

This is a continuation of a previously signed MoA offering a Bachelor of Quran and Sunnah programme in Darul Quran since 2009, after approval by the Ministry of Education (MOE).

According to Prof. Dato ' Dr. Musa Ahmad, USIM's Vice Chancellor, the aim of this program is to provide the opportunity for higher education in the field of *Tahfiz* and to produce homegrown professionals and experts in this field of study.

"USIM strives as much as possible to provide the space for students to expand their knowledge which will benefit the society, religion and the country", he added.

USIM was represented by the Vice Chancellor, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad and Dean of the Faculty of Quran and Sunnah Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff while Jakim was represented by its Director-General Dato ' Hj Othman Mustapha and the Director of Darul Quran, Nordin Ahmad. The MoA was witnessed by the Deputy Minister (Religious Affairs) Minister in the Prime Minister Department, YB Senator Dato ' Dr. Asyraf Wajdi Dato ' Dusuki.



# HOPE in USIM

**By: Noorumaina Mohamed Yunus**

The signing of a Memorandum of Understanding (MoU) between Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) with Perfect Triangle Sdn Bhd was held at the Chancellory Gallery (Galeri Canselori) USIM, on 20th November 2015.

"The offer to implement a Hands-On Programme for Entrepreneurship (HOPE) in USIM is an opportunity and opening for USIM to expand its network of co-operation with the industries to develop and strengthen entrepreneurship. HOPE Programme is designed, developed and implemented by entrepreneurs who have more than 10 years' experience in the industry. The theoretical and practical components of the programme will be jointly delivered by entrepreneurs, industry leaders, academic experts and human resource expert trainers," said Dato' Musa.

"In addition, the implementation of HOPE is very relevant to the university as USIM intends to produce more graduate entrepreneurs which could be achieved through the proposed assessment systems. HOPE comprises 80% practical component and 20% theoretical component in its assessment system. Student achievement and performance is measured using Industry-based Performance Appraisal System, through 12 criteria in Key Result Area (KRA) and 8 criteria in Behavioral Competencies (BC).

"Therefore, it is my greatest hope that the collaboration with Perfect Triangle can assist USIM to increase the number of entrepreneurs among its graduates. This is one of the issues raised by the Ministry of Higher Education through its Critical Agenda Programme since 2006, " said Dato' Musa in his speech.

At the signing ceremony, USIM was represented by the Vice Chancellor, Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad and Dr. Ummi Salwa Ahmad Bustamam, Director of Student Entrepreneurship Development Centre or *Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS)* as the project head, while Perfect Triangle Sdn Bhd was represented by its managing director, Mr Azman Bidin and Mr.Izwan Kamaruddin, its Executive Director.

# HAMIDAH, FUAD JUARA DAN NAIB JUARA DA'I PENDAKWAH MILENIA TV3

**Oleh : Noorumaina Mohamed Yunus**



Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melahirkan rasa bangga dan tahniah atas kejayaan yang dikecapi oleh dua pelajarnya Hamidah dan Fuad apabila dinobatkan sebagai Juara dan Naib Juara bagi program realiti TV iaitu Da'i Pendakwah Milenia Musim Ketiga yang berakhir setelah hampir tiga bulan berlangsung setiap Jumaat di TV3.

Hamidah, 23, berasal dari Sik Kedah merupakan anak bongsu dari lapan beradik ini merupakan anak kepada pasangan Abd Razak Ag Long dan Azizah Othman. Mendapat pendidikan menengah di Maahad Tarbiah Islamiah Derang, Pokok Sena Kedah sebelum menyambung pengajian di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan bagi program Ijazah Sarjana Muda Akidah dan Agama.

Beliau yang bercita-cita untuk menjadi seorang pendidik sangat gemar untuk mendapatkan pengalaman baru, disebabkan itu Hamidah pernah bekerja sebagai guru agama semasa belajar untuk mengumpul duit sendiri bagi menampung pengajiannya.

> "Saya bersyukur dan menganggap ia adalah rezeki daripada Allah kerana matlamat utama bukanlah kemenangan sejak hari pertama saya berada dalam rancangan Da'i ini. Saya mahu belajar dan mempertingkatkan keupayaan diri dalam bidang dakwah. Oleh kerana itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pensyarah saya di USIM yang tidak putus-putus mendidik saya begitu juga pengurusan tertinggi USIM khasnya Dato Naib Canselor yang telah memberi peluang kepada saya untuk menyertai rancangan Da'i ini,"
>
> ujar **Hamidah**.

"Erti hidup ini adalah untuk memberikan manfaat kepada agama dan ummah. Saya akan terus belajar mempertingkatkan ilmu dan kemahiran saya pada masa yang sama akan berusaha menyumbangkan ilmu kepada masyarakat," tambah Hamidah.

Beliau turut memberi kata semangat dan nasihat kepada adik-adik di luar sana dengan inginkan dunia haruslah dengan adanya ilmu, begitu juga inginkan akhirat haruslah dengan adanya ilmu, belajarlah selagi mampu untuk membina generasi yang diimpikan Islam kerana kita harus bangkit dari lena yang panjang.

Bagi Naib Juara pula Ahmad Fuad Mohamad Mokhtar, 20, dari Selangor merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam USIM.

"Hampir tiga bulan berada dalam program ini telah banyak ilmu yang saya pelajari, tidak kira daripada tenaga pengajar mahupun juri. Tugas berdakwah lebih-lebih lagi di depan kaca televisyen bukanlah mudah. Namun saya beruntung kerana mendapat tunjuk ajar daripada pendakwah hebat seperti Datuk Kazim Elias," jelas Fuad.

Hamidah membawa pulang hadiah wang tunai RM50 ribu, trofi, pakej umrah, hadiah iringin lain serta turut dipilih sebagai Da'i pilihan D'Herbs dengan membawa pulang trofi dan Ipad. Manakala Fuad membawa pulang hadiah wang tunai RM5 ribu berserta hadiah iringan lain.



Hamidah bersama kedua ibu bapanya, Abd Razak Ag Long dan Azizah Othman

# ISCOL 2015
## DISCUSS ISSUES OF SYARIAH AND LAW



**By: Noorumaina Mohamed Yunus**

The Faculty of Syariah and Law (FSU) has organized its 3rd International Seminar on Syariah and Common Law (ISCOL) on 27th and 28th October 2015.With the theme "Wasatiyyah in Harmonization of the Laws", the seminar was held at the Dewan Tunku Canselor (DTC) USIM, in accordance with the government's call to infuse the concept of wassatiyah into Malaysian law. ISCOL 2015 was jointly organized with the Malaysian Institute of Wasatiyyah, Prime Minister's Department and was officially opened by Senator Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, Deputy Minister in Prime Minister Department. The seminar was attended by 300 participants comprising local and international academicians, judges, legal practitioners, researchers and students from various institutions and countries. A total of 84 papers were presented on a multitude of law areas.

"It is hoped that this seminar will help to develop a relevant model or method of understanding based on the wasatiyyah approach in Syariah and common law. In addition it also helps to promote Malaysian Common Law based on religion, culture and local traditions to accommodate the present challenges in society, "said Dato 'Musa in his welcome speech.

The keynote address was delivered by the Chief Justice, Yang Amat Arif Tun Dato' Seri Arifin Zakaria (Dato' Lela Negara) with the title "Judicial Attitudes towards Malaysian Common Law Post 1956".

Also present at the opening ceremony was Deputy Director (Research and Publication) Malaysian Institute of Wasatiyyah, Dr. Mushaddad Hasbullah representing Tan Sri Dr. Abdullah Muhammad Zin, Religious Advisor to the Prime Minister cum Chairman of the Malaysian Institute of Wasatiyyah and Dean of the Faculty of Syariah and Law Dr. Syahirah Abdul Shukor.



# USIM LAUNCHES BOOK AT FRANKFURT BOOK FAIR 2015

**By: USIM Editor**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Publisher for the very first time launched a book in collaboration with the Goethe University at the Frankfurt International Book Fair 2015, which took place from 14th to 18th October. Frankfurt International Book Fair is one of the largest book fairs in the world.

The book entitled "Transformation of the Higher Education System in Malaysia" is exclusively written by Ms. Alexandra Samokhvalova, a Russian student studying in Frankfurt. Mdm. Adina Kamarudin, the Consul General of Malaysia in Frankfurt officiated the book launch. She praised the co-operation between USIM Publisher and Goethe University of Frankfurt in publishing scientific books to drive forward the education sector in Malaysia.

The Opening ceremony held in the Malaysian booth was also attended by Prof. Dr. Arndt Graf from the Department of Southeast Asian Studies, Goethe University of Frankfurt.

This book is the upshot of an APEX university study which focused on Universiti Sains Malaysia (USM), the only APEX University in Malaysia. This study also raised educational issues which need to be addressed in order to improve the Malaysian higher education system.



# PENGAMAL MEDIA 'PERTURUN ILMU' DALAM BENGKEL ANJURAN USIM



**Oleh: Noorumaina Mohamed Yunus**

Seramai 48 peserta yang terdiri daripada staf dan pelajar menghadiri Bengkel Pengurusan Media 2015 anjuran Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang diadakan di Bilik Seminar 2, Pusat Tamhidi pada 17 Disember 2015.

Objektif penganjurannya adalah untuk menyediakan input-input penting dan pengetahuan asas berkaitan prosedur pengurusan media dan perhubungan awam dalam organisasi selain memberi pendedahan dan panduan kepada kakitangan dan pelajar dalam aspek pengurusan media semasa menganjurkan program di fakulti dan Jabatan di USIM.




Menurut Dr. Faizal Kasmani Pengarah StraComm, bengkel yang julung kali diadakan ini adalah bagi berkongsi maklumat dan pendedahan berkaitan media, di mana media memainkan peranan penting dalam dunia komunikasi harini yang membantu menyampaikan maklumat dan matlamat organisasi untuk disalurkan kepada khalayak.

"Tiga topik yang menarik telah disusun sepanjang pengisian bengkel iaitu Peranan Organisasi dalam Pengurusan Media Elektronik, Teknik Penulisan Rencana dan Berita dan Etika dan Aspek Undang-undang dalam Kewartawanan Media Sosial dan Media Cetak".

"Walaupun dengan pengisian yang padat, diharap dengan penganjuran bengkel ini sedikit sebanyak peserta mendapat input yang berfaedah yang dapat digunakan bagi membantu menaikkan lagi nama universiti," tambah Dr. Faizal.

Penceramah jemputan adalah terdiri dari tiga ahli panel yang yang berpengalaman luas dalam bidang penyiaran media cetak dan media elektronik iaitu Encik Ainol Amriz Ismail Ketua Biro Utusan Seremban, Encik Ziauddin Sharuddin Ketua Biro Berita Harian Seremban dan Encik Arfi Ahmad Wartawan Senior BERNAMA TV/TV9 Seremban.



BH | Sinar harian | Utusan Malaysia | Harian Metro | The Star

## Muhammad Siddiq terima Anugerah Pegawai Muda Terbaik

"ANUGERAH YANG DITERIMA INI ADALAH SESUATU YANG TIDAK DISANGKA"

## Penuntut USIM muncul juara musabaqah

"SAYA BERSYUKUR DENGAN KEMENANGAN INI KERANA KALI PERTAMA QARI MALAYSIA MEMENANGI PERTANDINGAN BERKENAAN. SEBELUM INI, WAKIL MALAYSIA PERNAH MEMENANGI KATEGORI QARIAH PADA TAHUN 2011"

## Kembara ilmiah ke Sydney

## Serlahkan nama USIM - Canselor

## Semangat peserta bukan pilihan

## Teruskan perjuangan selepas Da'i

## Penyertaan sulung USIM buahkan hasil

## USIM kukuh hubungan dengan masyarakat Islam Krabi

## Perspektif seni berbudaya

## Kembara Mahabbah ke bumi Korea

## Pakar mata untuk rakyat

NS muncul negeri pertama sedia kemudahan rawatan bergerak dengan harga murah

## Bekerja sambil belajar tetap capai kecemerlangan

## AKADEMIK BUKAN SEGALA-GALANYA

## Pakaian hospital tutup aurat

Rekaan terkini daripada penyelidik muda USIM

## Kepemimpinan Rasulullah jadi panduan

## USIM tubuh Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina

Kompleks Fakulti Sains dan Teknologi USIM yang akan turut menempatkan secara sementara Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina USIM.

Bandar Baru Nilai: Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, kini menjadi fakulti kesembilan ditubuhkan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

## Bengkel wartawan muda jadi tarikan pelajar USIM

## Sejarah USIM di Negeri Sembilan dibukukan

Naskhah kisahkan hubungan erat dengan keluarga diraja, kerajaan negeri

## AKADEMIK BUKAN SEGALA-GALANYA

## Berhibur sambil beramal

## I-OK produk bantu mudah pergerakan

PRODUK INOVASI

## OKU Berdoa lakar sejarah

Lebih 500 OKU sertai program keagamaan

## EZ PAY bantu urus hutang

## Bantu kanak-kanak hadapi musim sejuk

# BUKU TERBITAN BAHARU



**MANAGING PHILANTHROPY FOR SOCIAL SECURITY & ECONOMIC EMPOWERMENT (VOL.1, YTI LECTURE SERIES)**

Lack of social security is often associated with a denial of choices and opportunities, and a violation of human dignity. The Islamic approach to ensuring social security is a unique one that involves economic empowerment, that is not debt-driven, that targets the family as a unit and that is rooted in benevolence and philanthropy. The present book presents the Islamic vision of development and social security for all and the role of the institutions of philanthropy therein, such as, zakat, sadaqa and awqaf. It presents the core principles of managing these institutions with a view to ensuring social security through economic empowerment. It presents as many as sixteen case studies of successful zakat and awqaf-based organizations from across the globe to highlight their good practices. These have useful lessons for strengthening the philanthropy sector and for replication of the relevant modes and models of economic empowerment in Islamic societies.

Dr Mohammed Obaidullah currently holds the Yayasan Tun Ismail (YTI) Chair Professorship in Islamic Finance and Banking at the Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) at Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. He has been serving the Islamic Research and Training Institute of the Islamic Development Bank (IsDB) Group at Jeddah, Saudi Arabia as a Senior Economist and Training Specialist since 2006.



**USIM : MENERAJUI INTEGRASI ILMU NAQLI AQLI**

The publication of this book is an effort of leisure documentation full of information for those who are familiar with and when begins. It is extremely important that USIM is never far from the heart or sight. Let USIM be closer to the society and becomes the reference for future situations.



**AL- HAFIDZ MUGHLATAY WA KITABUHU : IKMAL TAHZIBAL- KAMAL**

| | | |
|---|---|---|
| Author | : | Ahmad Kamil Jamilin |
| Price | : | RM 53.00 |
| ISBN | : | 978-967-460-236-5 |
| Published | : | 2015 |
| Total Pages | : | 106 m/s |



**DARI MENARA KE ANGKASA**

| | | |
|---|---|---|
| Author | : | Ummi Salwa Ahmad Bustamam, Mahazan Abdul Mutalib |
| Price | : | RM 45.00 |
| ISBN | : | 978-967-440-245-7 |
| Published | : | 2015 |



PENERBIT USIM, Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Tel: 06-798 8226/ 6081 | Fax: 06-798 6083
Email: info.penerbit@usim.edu.my

my BOOKSTORE
mybookstore.usim.edu.my